

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN PADA TAHUN 2019

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Penentu Kecenderungan Pembayaran Sewaan Premis Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	Mohammad Syukri Jalil	2019	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	BP187.R001.SY995 2019	<p>Pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan oleh penyewa premis wakaf penting bagi memastikan perolehan wakaf dapat dimanfaatkan secara berterusan. Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai jumlah penyewa premis wakaf yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Walau bagaimanapun, jumlah penyewa yang menjelaskan pembayaran pada tempoh masa yang ditetapkan masih di tahap rendah iaitu 51 orang berbanding 215 orang. Konsistensi dan komitmen yang ditunjukkan oleh 51 orang penyewa yang berjaya menjelaskan sewaan tanpa sebarang tunggakan ini menarik perhatian untuk dikaji. Oleh itu, penentu Kecenderungan Pembayaran Sewaan (KPS) dalam kalangan penyewa premis wakaf penting untuk dikaji supaya menjadi formulasi terhadap penyewa lain untuk menjelaskan pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan. Persoalannya ialah apakah faktor pembayaran sewaan wakaf di Pulau Pinang? Selain itu, mengapakah berlakunya penyewa yang menjelaskan pembayaran pada tempoh masa yang ditetapkan? Adakah wujud penentu KPS yang menyebabkan penyewa menjelaskan pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan? Bagi menjawab isu-isu yang dikemukakan, kajian ini mempunyai empat objektif kajian. Pertama, mengenal pasti penentu faktor-faktor KPS. Kedua, menganalisis hubungan secara langsung faktor-faktor penentu KPS dalam kalangan penyewa premis wakaf MAINPP. Ketiga, menganalisis hubungan secara tidak langsung melalui peranan pencelah (kewangan). Keempat, merumus faktor-faktor penentu KPS. Kajian ini dilakukan melalui edaran soal selidik ke atas 51 orang penyewa premis wakaf yang tanpa gagal menjelaskan sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 6 dan SMART-PLS versi 3.2.7. Kajian ini mendapati faktor KPS mencakupi dua elemen iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman melibatkan kesedaran dan kepatuhan agama, manakala faktor luaran terdiri daripada kewangan, keutamaan, kepenggunaan, hutang, pergantungan dan pengurusan. Analisis hubungan secara langsung mendapati, hanya faktor kewangan, keutamaan dan pergantungan sahaja mempengaruhi KPS, manakala peranan faktor kewangan sebagai pencelah mempengaruhi faktor kepenggunaan dan kesedaran melalui hubungan secara tidak langsung. Kesannya, faktor pencelah telah memberikan impak sederhana terhadap model KPS. Hal menggambarkan bahawa faktor kewangan, keutamaan, pergantungan, kesedaran dan kepenggunaan perlu diterapkan kepada penyewa untuk memotivasikan penyewa untuk menjelaskan pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
2	Strategi Sekuriti Makanan Dalam Pembangunan Lestari Islam	Nurul Suhada Ismail	2019	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan	HD62.2.R002.SU947 2019	<p>Agenda sekuriti makanan semakin mendapat perhatian di seluruh dunia pada masa kini memandangkan krisis makanan dan kelaparan masih lagi berlaku di kebanyakan negara di dunia ini. Malah, isu kebuluran masih lagi wujud dalam abad ini. Keadaan ini bertambah meruncing akibat keterhadan dan degradasi sumber alam yang berbekalkan sumber makanan. Tiga isu utama berlaku berkaitan sekuriti makanan. Pertamanya, isu jangkaan pertumbuhan penduduk dunia dan khususnya populasi masyarakat Muslim pada masa akan datang mencetuskan gambaran bahawa permintaan makanan halal bertambah. Keduanya, isu perubahan trend penggunaan makanan penduduk dan ketiga, isu kualiti makanan yang mempengaruhi kesihatan manusia. Isu-isu ini berkait rapat dengan penggunaan sumber alam untuk aktiviti pengeluaran makanan, pengagihan, penggunaan dan kualiti makanan yang merupakan komponen sekuriti makanan. Bagi menanganinya, strategi yang holistik diperlukan. Atas sebab itu, kajian ini dengan menggunakan reka bentuk kualitatif asas dilaksanakan bagi mengenal pasti strategi sekuriti makanan dalam pembangunan Lestari Islam (SSMPLI). Kajian diteruskan dengan menganalisis strategi sekuriti makanan di Malaysia berdasarkan SSMPLI. Akhir sekali, kajian ini merumuskan strategi sekuriti makanan di Malaysia berdasarkan SSMPLI. Kesemua objektif dicapai melalui pengumpulan data primer dan data sekunder serta penganalisan kandungan dengan bantuan Atlas t.i versi 8.4.16. Keseluruhan, kajian mendapati strategi sekuriti makanan Malaysia melalui Dasar Agromakanan Negara (DAN) bertindak sebagai strategi utama sekuriti makanan di Malaysia. Dasar ini menyumbang kepada ketersediaan, aksesibiliti, penggunaan dan kualiti makanan seperti yang terdapat dalam SSMPLI. Namun elemen ketauhidan kepada Allah SWT terutamanya dalam ketersediaan dan aksesibiliti makanan tidak dapat dikesan dalam komponen penggunaan dalam DAN khususnya pada komponen ketersediaan dan aksesibiliti makanan. Walau bagaimanapun, elemen halal dikesan dalam komponen penggunaan dan kualiti makanan, namun penekanan hanya terhadap pembuat dasar dan pengeluar. Kajian ini mencadangkan supaya teras pembentukan DAN diperkemas dengan meletakkan pembangunan lestari Islam sebagai tunjang strategi sekuriti makanan. Implikasinya, empat komponen SSMPLI dapat dibentuk terdiri daripada : ketersediaan makanan berasaskan fardu kifayah dan keperluan asas, aksesibiliti makanan berdasarkan keadilan sosial, penggunaan makanan berasaskan kesederhanaan dan kualiti makanan berasaskan kehalalan terutamanya.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
3	Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam	Mohd 'Adli Bin Zahri	2019	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	HG4530.R003.AD 237 2019	<p>Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penentu pemilihan pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI) dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan. Secara spesifik, objektif kajian ini ialah pertama, mengenal pasti tahap persepsi dan perbezaan demografi terhadap pemilihan pelaburan DUAI. kedua, menganalisis penentu yang mempengaruhi secara langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAI; dan ketiga, menganalisis penentu yang mempengaruhi secara tidak langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAI. Kajian ini bertitik tolak daripada trend menaik dalam pelaburan DUAI dari tahun 2014 hingga tahun 2018, secara purata DUAI menguasai 343.9 bilion (66.9 peratus) dari segi unit pelaburan dan RM332.8 bilion (87.6 peratus) dari segi nilai aset bersih daripada keseluruhan Dana Unit Amanah (DUA) di Malaysia. Peningkatan ini berlaku dengan ketara terhadap pelaburan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang merupakan salah satu daripada DUAI. ASNB di negeri Kelantan mempamerkan kenaikan sebanyak 66.7 peratus untuk unit dalam edaran dan sebanyak 20.9 peratus untuk bilangan akaun dari tahun 2010 hingga 2015. Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan gaya hidup Islam termasuklah dari sudut perekonomian. Walau bagaimanapun, apakah faktor agama mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan DUAI? Adakah faktor intrinsik (persepsi, kefahaman dan kesedaran) atau faktor ekstrinsik (pemasaran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan) mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan DUAI? Data daripada 300 responden dalam kalangan pelabur DUAI di Kelantan dianalisis secara analisis kuantitatif dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens. Dapatan kajian mempamerkan pertama, tahap kepatuhan beragama berada pada tahap tinggi iaitu 4.29 dan faktor demografi tidak menunjukkan perbezaan dalam pemilihan pelaburan DUAI dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan. Kedua, semua faktor intrinsik dan ekstrinsik mempengaruhi secara langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAI. Ketiga, faktor kepatuhan beragama boleh dijadikan sebagai pemboleh ubah mediator terhadap hubungan antara semua faktor kecuali faktor persepsi dan pemasaran. Implikasinya ialah pertama, implikasi teoretikal iaitu kepatuhan beragama yang berasaskan ihsan boleh dijadikan sebagai mediator. Kedua, implikasi praktikal iaitu pengendali DUAI harus memperbaiki kaedah pemasaran dan ciri-ciri produk yang ditawarkan.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Disera hkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
4	Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Qalbu: Tumpuan Khusus Terhadap Sirah-Sirah Terpilih Empat Imam Mazhab	Amir Bin Mohd Nason	2019	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Mohd Shukri Hanapi	LB51.R004.AM5172019	<p>Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan qalbu merupakan salah satu pendekatan yang berteraskan Islam. Pendekatan ini menjadikan qalbu sebagai subjek dalam penyampaian dan penerimaan ilmu. Dalam hal ini, pendekatan PdP berasaskan qalbu merupakan satu pendekatan PdP yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan diwarisi oleh ilmuwan Islam termasuklah empat imam mazhab. Pendekatan ini nyata berbeza dengan pendekatan beracuankan Barat yang menjadikan akal sahaja sebagai subjek dalam penguasaan ilmu dan ia selari dengan pendekatan PdP yang digunakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Persoalannya, apakah teori dan pendekatan PdP beracuankan Barat mampu melahirkan pelajar yang seimbang dalam aspek pembinaan adab dan akhlak Islamiah serta memahami kedudukan mereka sebagai hamba dan khalifah Allah SWT? Apakah terdapat pendekatan PdP berasaskan qalbu dalam sirah-sirah terpilih empat imam mazhab yang mampu membentuk keseimbangan dan kesepaduan dalam pendidikan? Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan untuk membina pendekatan PdP berasaskan qalbu bagi tujuan penggunaan dalam PdP. Untuk pembinaan ini, sirah-sirah empat imam mazhab telah dikenal pasti dan dipilih untuk dijadikan pendekatan PdP berasaskan qalbu yang sistematik dan komprehensif. Berdasarkan permasalahan yang timbul, kajian ini dilakukan dengan tiga objektif khusus. Pertama, mengenal pasti sirah terpilih empat imam mazhab berkaitan PdP berasaskan qalbu. Kedua, menganalisis pendekatan PdP berasaskan qalbu dengan tumpuan khusus terhadap sirah-sirah terpilih empat imam mazhab. Ketiga, membina pendekatan PdP berasaskan qalbu berdasarkan sirah-sirah terpilih empat imam mazhab yang telah dikenal pasti itu. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif ini, kajian berbentuk kualitatif dijalankan terhadap sirah-sirah empat imam mazhab. Data sekunder yang terdiri daripada kajian-kajian dan karya-karya klasik serta diperoleh melalui kajian perpustakaan dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Akhirnya, kajian ini menghasilkan tiga dapatan. Pertama, pengenaltastian 25 sirah empat imam mazhab berkaitan PdP berasaskan qalbu. Kedua, sirah-sirah terpilih empat imam mazhab memiliki bentuk pendekatan PdP berasaskan qalbu yang sesuai untuk digunakan sebagai satu pendekatan dalam proses PdP. Daripada bentuk-bentuk itu, terhasil lima elemen pendekatan PdP berasaskan qalbu iaitu kasih sayang, menyelami kehendak murid, pengamalan sunnah, kesucian jiwa dan keberkatan ilmu. Ketiga, semua elemen dan bentuk pendekatan PdP ini dicadangkan untuk diaplikasikan dalam proses PdP yang dijalankan sama ada PdP itu berlaku secara formal atau tidak. Selain itu, hasil kajian mendapati pendekatan ini mempunyai kekuatan khususnya dari sudut epistemologi, tasawur dan operasional yang menyeluruh terhadap pendekatan PdP. Justeru, pendekatan PdP berasaskan qalbu berdasarkan sirah-sirah terpilih empat imam mazhab memberi implikasi dari sudut teoretikal yang bertepatan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah serta sudut praktikal yang boleh digunakan dalam proses PdP.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
5	Kaedah Pengurusan Motivasi Pekerja Dalam Islam Berdasarkan Kitab Syama'il Muhammadiyyat	Noor Hidayah Samsudin	2019	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni Ahmad	HD6951.R005.H632 2019	<p>Terdapat pelbagai kaedah pengurusan motivasi pekerja yang telah digunakan sama ada di institusi lazim mahupun institusi Islam. Telah menjadi kebiasaan bagi institusi lazim untuk mengaplikasikan kaedah-kaedah pengurusan motivasi berasaskan teori-teori motivasi lazim yang berasal daripada paradigma bukan Islam. Namun menjadi isu apabila terdapat juga institusi-institusi Islam yang turut mengguna pakai kaedah pengurusan motivasi pekerja berasaskan teori motivasi lazim walhal institusi Islam sewajarnya menggunakan kaedah pengurusan motivasi pekerja daripada asas Islam. Pada masa yang sama, isu berkaitan motivasi pekerja seperti tidak berdisiplin, ponteng kerja, tidak amanah, tidak menjalankan tugas dan pelbagai isu lain masih lagi berlaku. Isu-isu ini tidak terkecuali untuk berlaku di institusi Islam hingga menimbulkan persoalan wajarkah tahap motivasi sebegini wujud di institusi Islam sedangkan Islam sendiri merupakan agama yang menekankan motivasi. Tambahan lagi Rasulullah SAW sendiri diiktiraf sebagai pemotivasi agung bukan sahaja oleh golongan Muslim, bahkan golongan bukan Muslim. Atas hal demikian, kajian ini telah dilakukan dengan inisiatif untuk menyediakan sebuah kerangka yang dilahirkan daripada kaedah-kaedah yang diguna pakai sendiri oleh pemimpin hebat Islam iaitu Rasulullah SAW serta kerangka yang dapat digunakan oleh pihak pengurusan terutamanya di institusi Islam. Menerusi inisiatif tersebut, kajian ini telah dijalankan dengan tiga objektif. Pertama, mengenal pasti hadith-hadith kaedah pengurusan motivasi pekerja dalam Islam menerusi kitab Syama'il Muhammadiyyat; kedua, menganalisis hadith-hadith kaedah pengurusan motivasi pekerja dalam Islam menerusi kitab Syama'il Muhammadiyyat ke atas institusi pembangunan Islam dan ketiga merumuskan kaedah pengurusan motivasi pekerja dalam Islam berdasarkan kitab Syama'il Muhammadiyyat. Kajian yang telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif asas ini telah melibatkan pengumpulan data menerusi kajian dokumen dan seterusnya dianalisis menerusi analisis kandungan dengan bantuan perisian Atlas.ti versi 8. Kajian ini telah menemui sembilan kaedah pengurusan motivasi yang telah digunakan oleh Rasulullah SAW yang mana dapat diaplikasikan oleh pihak pengurusan di institusi-institusi Islam. Kaedah-kaedah tersebut adalah Kaedah Berpenampilan Kemas, Kaedah Pemberian Gaji, Kaedah Komunikasi Efektif, Kaedah Senyuman dan Gurauan, Kaedah Membantu dan Mempermudahkan Urusan, Kaedah Larangan Perlakuan Keji, Kaedah Menjaga Kebajikan, Kaedah Memberikan Nasihat dan Peringatan serta Kaedah Galakan Untuk Istiqamah. Berdasarkan penganalisan, didapati bahawa asas falsafah bagi kaedah-kaedah ini adalah tauhid kepada Allah SWT yang mana dapat dicapai menerusi pengamalan akidah, syariat dan akhlak yang dianjurkan dalam Islam.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
6	Pemikiran Ekonomi Politik Gerakan Hizbut Tahrir Indonesia	Yusrizal Zainal Abidin	2019	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi	JC11.R006.Y952019	<p>Hizbut Tahrir Indonesia (HTI) menyebut dirinya sebagai parti politik Islam, namun aktiviti nya sangat berbeza dengan kebanyakan parti politik Islam yang lain. Antara perbezaan ini ialah HTI mengkritik idea dan sistem demokrasi, tidak mahu terlibat dalam pilihan raya ataupun mana-mana jawatan pemerintahan yang sedia ada. Selain mengemukakan pandangan politik, HTI kerap menyampaikan idea-idea berkenaan ekonomi. Dalam bidang ekonomi pula, kebanyakan idea yang kerap dikemukakan dalam dakwahnya ialah konsep ekonomi Dawlat Islamiyyat. Pemikiran-pemikiran yang dikemukakan tidak terpamer secara realiti dari sudut pembinaan syarikat atau kilang secara ekonomi. Begitu juga dalam politik, pemikiran ini hanya terbatas dalam idealisme sahaja. Maka kekeliruan timbul di tengah masyarakat yang mempersoalkan adakah HTI hanya bergerak pada pemikiran sahaja tanpa melampaui peringkat pelaksanaan? Atau sememangnya ada, cuma kemungkinan ia tidak diwar-warkan di tengah masyarakat. Berdasarkan persoalan tersebut, maka terdapat tiga objektif kajian yang perlu dicapai dalam kajian ini. Pertama, mengenal pasti pemikiran ekonomi politik HTI; Kedua, menganalisis pemikiran ekonomi politik HTI; Ketiga, merumuskan pemikiran ekonomi politik HTI. Untuk mencapai objektif ini, data-data yang perlu dikumpulkan terdiri daripada data primer dan sekunder. Data primer diambil daripada kaedah temu bual mendalam dan kaedah pemerhatian. Data sekunder pula diambil daripada kaedah kajian dokumen. Data-data ini kemudian dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan kualitatif. Hasilnya didapati bahawa pemikiran ekonomi politik HTI adalah dalam mewujudkan sistem seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat r.a. Apabila sistem Khilafat Islamiyyat tertegak maka pelaksanaan penetapan standard wang emas, tanah kharajiyat -'usyriyyat, pendapatan negara daripada ghanimat, fa'i dan lainnya perlu dilakukan. Menurut HTI, Khilafah Islam perlu menetapkan asas sistem ekonomi Islam dalam pemerintahannya. Pertama, bagaimana harta diperoleh iaitu berkenaan pemilikan (al-milkayat); kedua, bagaimana pengelolaan pemilikan harta (tasarruf fi al-milkayat); dan ketiga bagaimana pengagihan kekayaan di tengah masyarakat (tawzi'u tharwat bayna alnas). Dari sini, boleh dilihat bahawa dakwah HTI berkenaan ekonomi politik cenderung bersifat fikriyat atau menyebarkan pemikiran berbanding pendekatan praktikal sebab ia menempatkan dirinya sebagai entiti pemikiran (kiyan fikri). HTI yakin bahawa kebangkitan umat kini tidak bergantung kepada kutlat iqtisādiyat tetapi bergantung kepada kutlat siyasiyat. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan antara pemikiran politik HTI dengan aspek ekonomi, demikian pula sebaliknya. Berkenaan perjalanan ekonomi politik Indonesia, HTI menilai bahawa pelaksanaan ekonomi politik di Indonesia tidak berlandaskan aturan syariat Islam dan bersifat sekular serta lebih merujuk kepada ideologi kapitalisme. Menurut HTI, pelaksanaan ekonomi politik yang sesuai dengan Islam secara kaffat hanyalah menerusi institusi Khilafat Islamiyyat. Khilafah memainkan peranan dalam menentukan struktur atau sistem ekonomi. Misalnya, khilafah boleh menolak perbankan yang mengamalkan riba seperti International Monetary Fund (IMF). Kemakmuran dan kestabilan ekonomi dalam Dawlat Khilafat Islamiyyat. adalah bergantung kepada kekuatan percaturan Khilafah.</p>

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN PADA TAHUN 2018

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelidik	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Kaedah Pembiayaan Pembangunan Tanah Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Negeri Terpilih Di Malaysia	Sakinatul Raadiyah Binti Abdullah	2018	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	HG4001.R007.SA158 2018	<p>Kajian ini berkaitan kaedah pembiayaan pembangunan tanah wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang dipilih di Malaysia. Khususnya, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti kaedah pembiayaan pembangunan tanah wakaf di Malaysia. Kedua, menganalisis aplikasi kaedah pembiayaan pembangunan tanah wakaf yang dilaksanakan oleh MAIN terpilih di Malaysia. Ketiga, merumus aplikasi kaedah pembiayaan pembangunan tanah wakaf yang dilaksanakan oleh MAIN terpilih di Malaysia. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif itu, kajian kualitatif yang berbentuk penjelasan telah dijalankan dalam dua fasa. Fasa pertama tertumpu pada pengumpulan data sekunder yang dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan kualitatif untuk menjawab objektif pertama. Fasa kedua pula tertumpu pada pengumpulan data primer melalui instrumen sesi temu bual mendalam melibatkan 10 orang informan untuk menjawab objektif kedua dan ketiga. Maklumat temubual dianalisis dengan analisa kandungan kualitatif dengan bantuan perisian ATLAS.ti , versi 8.0. Hasil penelitian mendapati terdapat dua jenis kategori kaedah pembiayaan pembangunan wakaf tanah yang boleh dilaksanakan iaitu melibatkan kaedah secara tradisional dan juga kaedah kontemporari. Kaedah secara tradisional melibatkan kaedah al-hukri, kaedah al-khuluw, kaedah istibdal dan kaedah al-musaqat. Kaedah secara kontemporari pula melibatkan beberapa kaedah iaitu kaedah secara pajakan, kaedah perkongsian bersama, kaedah secara pelaburan korporat dan kaedah secara langsung. Kaedah pembiayaan pembangunan wakaf tanah yang paling dominan dan banyak diterapkan oleh terpilih MAIN adalah dengan menggunakan kaedah pembiayaan secara langsung. Sesetengah cabaran telah dikenal pasti antara yang dipengaruhi oleh faktor tadbir urus yang melibatkan faktor sumber manusia, faktor kedudukan tanah dan beberapa faktor lain yang menjadi cabaran dalam melaksanakan kaedah pembiayaan pembangunan tanah wakaf yang sesuai. Bagi mengatasinya, beberapa strategi telah dikemukakan antara lain melibatkan penerapan kaedah kontemporari, modul pembangunan semula wakaf tanah, mengaplikasikan konsep strategi lautan biru dan penerapan model segi tiga pemasaran perkhidmatan yang berasaskan Islam untuk memastikan kaedah pembiayaan pembangunan wakaf tanah yang sesuai dapat dilaksanakan dalam membangun tanah wakaf agar manfaat harta wakaf dapat terus berkembang untuk kemaslahatan ummah.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelidikan	Nombor Panggilan	Abstrak
2	Kelestarian Pembangunan Harta Wakaf: Analisis Terhadap Perumahan Wakaf Di Pulau Pinang	Surita Hartini Binti Mat Hassan	2018	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni	HD72.R008.SU961 2018	<p>Kelestarian merupakan elemen yang cukup penting dalam pembangunan termasuklah pembangunan terhadap harta wakaf. Walau bagaimanapun, kelestarian dalam harta wakaf melibatkan usaha-usaha untuk mengekalkan serta memperbanyakkan harta wakaf dan menghasilkan manfaat wakaf yang berterusan. Namun, sehingga kini masih terdapat banyak harta wakaf di Malaysia terutamanya tanah tidak dibangunkan secara produktif. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya ketidaklestarian dalam pembangunan harta wakaf. Perumahan wakaf merupakan antara pembangunan ke atas tanah yang semakin mendapat perhatian mutawalli untuk memproduktifkan tanah wakaf terutamanya Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) yang aktif membangunkan perumahan wakaf di atas tanah wakaf di Pulau Pinang. Namun begitu, sejauh manakah perumahan wakaf dapat melestarikan harta wakaf? Setakat manakah konsep kelestarian harta wakaf difahami? Berlatar belakangkan fenomena inilah kajian ini dilakukan untuk mencapai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep kelestarian pembangunan harta wakaf (KPHW). Kedua, menganalisis kelestarian pembangunan perumahan wakaf di Pulau Pinang berdasarkan konsep KPHW. Ketiga, merumuskan kelestarian pembangunan perumahan wakaf di Pulau Pinang berdasarkan konsep KPHW. Kajian ini dilakukan dengan mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan kualitatif asas secara penerokaan dan deskriptif. Kajian ini melibatkan dua fasa pengumpulan data iaitu pengumpulan data sekunder melalui penelitian terhadap sumber dokumen dan pengumpulan data primer yang diperoleh melalui sesi temu bual mendalam terhadap 12 orang informan. Data-data yang diperoleh dikumpul dan dimasukkan ke dalam perisian ATLAS.ti Versi 8.0 (AV8) bagi tujuan penyusunan data mengikut kod dan kategori yang telah ditetapkan. Data tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif menggunakan pendekatan klasikal. Hasil kajian mendapati prinsip KPHW merangkumi lima perkara iaitu patuh syariah, bersifat ekonomi, amanah, adil dan memelihara alam sekitar. Elemen KPHW terdiri daripada tiga aspek iaitu pengekalan 'ayn harta wakaf, berkembang secara produktif dan manfaat yang berterusan. Dapat dirumuskan bahawa pembangunan perumahan wakaf oleh MAINPP di Pulau Pinang selari dengan konsep KPHW kerana merangkumi prinsip dan elemen yang terkandung dalam konsep KPHW. Ia juga dapat mengekalkan serta memperbanyakkan harta wakaf dan memberikan manfaat secara berterusan. Maka, perumahan merupakan antara bentuk pembangunan yang boleh dicadangkan untuk dilaksanakan dalam usaha membangunkan tanah wakaf secara produktif ke arah melestarikan pembangunan harta wakaf. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya pembangunan perumahan wakaf di Pulau Pinang masih berada ditahap yang sederhana kerana masih terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik oleh MAINPP misalnya dari segi agihan hasil manfaat wakaf. Kajian ini boleh membuka peluang kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) lain di Malaysia untuk merancang serta melaksanakan pembangunan terhadap harta wakaf terutamanya tanah secara lestari dengan menjadikan MAINPP sebagai rujukan dan panduan.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyela	Nombor Panggilan	Abstrak
3	Pengunaan Dinar Emas Untuk Wakaf Tunai Dari Perspektif Islam	Che Khadijah Binti Hamid	2018	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	BP167.5.R009.K45 2018	<p>Penciptaan wang fiat tidak berasaskan apa-apa nilai instrinsik dan tiada komoditi fizikal komoditi. Sifat apungan yang ada padanya telah membawa krisis ketidakstabilan kepada sistem ekonomi. Ekoran itu, kajian ini mencadangkan agar dinar emas dijadikan alternatif kepada wang fiat dalam wakaf tunai. Justeru, kajian ini bermatlamat mencapai tiga objektif. Pertama, kenal pasti dasar dinar emas sebagai medium berwakaf. Kedua, menganalisis potensi penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf berdasarkan pandangan cendekiawan wakaf di Malaysia. Ketiga, merumus kesesuaian penggunaan potensi dinar emas pada masa ini sebagai medium berwakaf berdasarkan pandangan cendekiawan wakaf di Malaysia. Kajian ini terbentuk menerusi kajian berbentuk penerokaan. Pengumpulan data diperolehi daripada kajian dokumen dan temu bual separa berstruktur. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati empat dapatan melalui fasa pertama. Pertama, mendapat dinar emas adalah memenuhi fungsinya sebagai wang dan sering dikaitkan dengan sifatnya sebagai wang dalam Islam. Kedua, didapati di dalam al-Qur'an tidak ada nas yang menyentuh tentang penggunaan dinar emas sebagai salah satu medium berwakaf. Perkara berkaitan wakaf juga tidak ada nas tetapi wakaf itu dikaitkan dengan konsep sedekah. Kemudian, dalam al-Hadith tidak ada yang jelas tentang penggunaan dinar sebagai medium berwakaf tetapi terdapat dalam amalan bersedekah. Ketiga, bukti yang jelas berlaku dinar emas sebagai mekanisme wakaf telah dikenal pasti pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat sebagai sumber pembiayaan pinjaman kepada penerima wakaf pada masa itu. Keempat, di Malaysia penggunaan dinar sebagai medium berwakaf masih belum wujud namun usaha mendaulatkannya semakin berkembang. Dapatan dalam fasa kedua pula didapati aspek-aspek penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf mencakupi empat perkara iaitu penekanan kepada al-Qur'an dan al-Hadith, penekanan kepada sejarah silam, keperluan kepada sokongan kerajaan dan keperluan kepada keyakinan masyarakat Islam. Seterusnya, terdapat empat kaedah yang berpotensi memastikan penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf tercapai antara mereka Kaedah Mendesak dan Menghadapi Kerajaan, Kaedah Kerjasama R & D Group Research dengan Pihak Parlimen, Kaedah Matlamat dan Pilihan Sistem Wakaf serta Kaedah Gabungan Bidang Profesional dan Bidang Agama. Kemudian, bagi aspek kelebihan dan kelemahan mempamerkan penelitian ke atas kedua-dua perkara tersebut mendapati ada 14 item yang dikenal pasti. Hasil kajian yang mengambil kira kelebihan dan kelemahan item, didapati penggunaannya adalah sesuai untuk diguna pakai pada masa ini. Berdasarkan keseluruhan kajian, kajian ini telah menghasilkan satu penanda aras pembentukan yang dikemukakan oleh pakar iaitu mengenai konsep mekanisme penentuan harga emas. <i>Benchmark</i> tersebut dijangka memberi alternatif awal supaya satu mekanisme menstabilkan nilai dalam wakaf tunai boleh dicipta.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
4	Asas Pembinaan Pernyataan Visi Dan Misi Institusi Pembangunan Berteraskan Islam Di Malaysia	Farah Farhana Binti Johari	2018	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	BP173.25.R010.F219 2018	<p>Tesis ini bertujuan mengkaji tentang asas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi pembangunan berasaskan Islam (PBI) di Malaysia. Idea ini timbul selaras dengan kewujudan pelbagai bentuk institusi PBI, yang secara umumnya mempamerkan matlamat dan hala tuju menerusi pernyataan visi dan misi. Antara bentuk institusi PBI tersebut terdiri daripada institusi pentadbiran, perubatan, sosioekonomi, kewangan, perbankan, pendidikan, peribadatan dan perundangan. Rata-rata institusi PBI ini telah menyatakan matlamat dan hala tuju ke arah pengurusan dan perkhidmatan Islam. Namun begitu, pernyataan visi dan misi jelasnya muncul dari konsep pengurusan strategik lazim. Menerusi konsep ini, timbul beberapa kaedah yang menunjangi pembinaan pernyataan visi dan misi. Sedangkan dalam Islam terdapat asas pembinaan pernyataan visi dan misi yang tersendiri. Antara kaedah tersebut ialah analisis SWOT, analisis PEST, analisis SOFT dan analisis portfolio. Kaedah-kaedah ini dikenalpasti sebagai kaedah yang menyokong pembinaan visi dan misi kenyataan kebanyakan institusi sedia ada. Persoalannya, apakah asas yang digunakan oleh institusi-institusi PBI dalam membangun pernyataan visi dan misi mereka? Adakah institusi-institusi PBI juga merujuk asas yang muncul dari konsep pengurusan strategik tersebut? Realitinya, konsep pengurusan strategik lazim dilihat kontra dengan asas falsafah PBI. Kajian sebelum ini juga membuktikan bahawa pernyataan visi dan misi institusi PBI sememangnya tidak selari dengan asas-asas PBI. Oleh yang sedemikian, kajian ini dilakukan dengan meneliti asas pembinaan pernyataan visi dan misi dari perspektif Islam. Untuk tujuan ini, dinyatakan tiga objektif yang pertama, mengenalpasti pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI di Malaysia; kedua, menganalisis asas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI di Malaysia berdasarkan tujuh prinsip PBI; ketiga, merumuskan asas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI di Malaysia. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, kajian ini memperoleh data melalui kaedah temu bual separa struktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Data yang diperoleh ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Perbincangan kajian ini terbahagi kepada dua fasa, iaitu fasa pertama melibatkan kajian secara empirikal dan fasa kedua kajian secara teoretikal. Kajian secara empirikal memamerkan bahawa kaedah analisis SWOT sebagai kaedah yang dominan dalam pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI di Malaysia. Daripada lapan buah institusi yang dikaji, enam daripadanya telah mengguna pakai kaedah analisis SWOT. Rentetan itu, kajian secara teoretikal pula ditumpukan ke atas kaedah analisis SWOT berdasarkan tujuh prinsip PBI sebagai asas PBI. Walau bagaimanapun, didapati kaedah ini kurang menitikberatkan unsur spiritual, khususnya matlamat akhirnya iaitu mardat Allah. Keseluruhannya, dirumuskan bahawa kaedah analisis SWOT yang dibangunkan melalui konsep pengurusan strategik lazim kurang sesuai digunakan sebagai asas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI, melainkan cara yang ditunjangi dengan dasar-dasar PBI sendiri.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelidikan	Nombor Panggilan	Abstrak
5	Guidelines Of Islamic Corporate Social Responsibility Of Islamic Bank In Thailand	Ekarat Sitisan	2018	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	HG1811.R011.EK36 2018	<p>Researchers have infrequently researched the concept of Islamic corporate social responsibility. Their researches on corporate social responsibility (CSR) in Islam are mostly on the theoretical part which is concerned about Islamic CSR principles and Islamic CSR framework. However, Islamic CSR framework and Islamic CSR principles could not apply in Islamic financial institutions without guidelines for practice. Thus, Islamic CSR guidelines of Islamic financial institutions were needed to identify. The general objective of this study was to propose Islamic CSR guidelines of an Islamic bank in Thailand. The second objective was to measure the practice of an Islamic bank in Thailand on CSR and to analyse the possibility of applying the proposed Islamic CSR guidelines into an Islamic bank in Thailand. In this research, a purposive sampling technique was used to select the six informants who are involved with CSR of an Islamic bank in Thailand such as a CSR representative of an Islamic bank, a director of an Islamic bank, a shari'ah advisory board of an Islamic bank for an interview on CSR in the Islamic bank. Also, the questionnaire was distributed and answered by four respondents, who are a shari'ah advisory, an expert person in Islamic finance and CSR representative of an Islamic bank, to find their opinions on the proposed Islamic CSR guidelines. This research was conducted qualitatively. The content analysis was chosen to analyse these data. However, there were some data which came from the close ended questionnaire and needed to be explained by a simple statistic method such as Mean and Standard deviation. The result had shown that all the interviewees agreed that an Islamic bank in Thailand should have Islamic CSR and Islamic CSR guidelines. Most of the respondents accepted all the Islamic CSR guidelines of an Islamic bank. Fully applying the proposed Islamic CSR guidelines in an Islamic bank in Thailand could be possible with two supportive factors. First, the role of shari'a board in an Islamic bank in Thailand must be empowered. Second, the bank director must clearly understand the Islamic CSR guidelines to apply and enforce them.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
6	Konsep Niat Berteraskan Islam Dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	Khairul Bariyah Binti Othman	2018	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni	BP176.R012.K452018	<p>Zakat pendapatan merupakan satu ibadah yang mempunyai keistimewaan dan keunikan dalam pelaksanaannya. Ia bukan sahaja ibadah yang mempunyai nilai hubungan ketuhanan, malah merangkumi nilai kemanusiaan melalui aspek muamalatnya. Oleh sebab ibadah zakat pendapatan ini merangkumi bidang ibadah dan muamalah, fatwa mewajibkan ibadah ini diakui telah mewujudkan peningkatan dalam jumlah kutipan dana zakat negara. Namun di sebalik peningkatan ini, setidaknya wujud tiga permasalahan utama yang sering dibincangkan dalam kalangan sarjana-sarjana terdahulu hingga ke hari ini. Pertama ialah tentang aras kepatuhan yang masih rendah dalam kalangan muzzaki di Malaysia. Kedua ialah kefahaman terhadap kewajipan zakat pendapatan yang masih rendah. Ketiga iaitu kedudukan niat dalam urusan ibadah zakat pendapatan yang memberi kelangsungan kepada tingkah laku kepatuhan. Berdasarkan realiti ini, pelbagai kajian telah dijalankan bagi merungkai permasalahan yang timbul. Namun kajian-kajian terdahulu banyak didominasi oleh konsep-konsep niat dalam kepatuhan tingkah laku yang dibina berteraskan falsafah lazim yang dibangunkan oleh sarjana Barat. Timbul persoalan, setakat manakah komprehensifnya konsep niat yang diperkenalkan oleh teori-teori lazim ini sesuai untuk diguna pakai dalam kajian kepatuhan ibadah seperti zakat pendapatan dalam kalangan umat Islam? Adakah ia selari dengan tasawur Islam? Sekiranya tidak, bagaimana konsep niat yang sesuai untuk digunakan dalam merungkai isu niat ini. Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk mencapai tiga objektif yang telah ditetapkan. Pertama, mengenal pasti konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku. Kedua, menganalisis konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan. Ketiga, merumuskan konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, kajian kualitatif berbentuk penerokaan telah dijalankan dalam dua fasa. Pertama, fasa kajian teoretikal yang tertumpu pada pengumpulan data sekunder yang dianalisis menerusi analisis kandungan bagi menjawab objektif pertama. Kedua, fasa kajian empirikal yang tertumpu pada pengumpulan data primer menerusi instrumen sesi temu bual mendalam yang melibatkan sembilan informan terpilih bagi menjawab objektif kedua dan ketiga. Maklumat temu bual dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti versi 7.5 dan kaedah analisis kandungan dengan tiga peringkat. Analisis fasa pertama dapat mengenal pasti dua asas yang menunjangi konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku berasaskan al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW iaitu dimensi kehambaan (habl min Allah) dan dimensi kekhalifahan (habl min al-nas). Dalam analisis fasa kedua pula, dapat diekstrak penentu-penentu yang membentuk konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan. Penentu-penentu tersebut ialah ilmu, akidah, akhlak, motivasi diri dan kualiti perkhidmatan. Secara keseluruhannya, hasil analisis membuktikan konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan dapat dibentuk dan dirumuskan dengan mengambil kira keseluruhan aspek epistemologi dan tasawur Islam sebagaimana yang telah diperincikan dalam asas-asas dan penentu-penentu niat yang telah dibentuk.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelidikan	Nombor Panggilan	Abstrak
7	Faktor Penentu Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH	Shahrinizam Bin Mohd Amin	2018	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni	LB1603.R013.SH525 2018	<p>Perkembangan Institusi Pendidikan Swasta semakin meningkat terutamanya institusi pendidikan Islam swasta (IPIS). Berdasarkan perangkaan pendidikan Malaysia 2016, terdapat seramai 170,578 orang pelajar yang bersekolah di institusi pendidikan menengah Islam (IPMI) manakala seramai 10,051 orang pelajar (5.9%) adalah dari institusi pendidikan menengah Islam swasta (IPMIS). Fenomena ini menunjukkan bahawa terdapat ibu bapa yang cenderung untuk memilih pendidikan anak-anak mereka ke IPMIS walaupun pihak kerajaan telah membina, menyediakan segala kelengkapan infrastruktur, guru-guru dan pihak pentadbir yang terlatih dengan kurikulum yang lengkap tanpa dikenakan sebarang yuran bulanan. Persoalannya, apakah yang menjadi faktor penentu ibu bapa untuk terus memilih IPIS? Untuk menjawab persoalan ini, kajian ini mempunyai tiga tujuan. Pertama, mengenal pasti penentu pemilihan institusi pendidikan Islam swasta. Kedua Mengukur faktor penentu pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH dan ketiga, Menganalisis hubungan serta pengaruh konstruk intrinsik dan ekstrinsik terhadap pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH. Kajian ini berbentuk kajian penjelasan dan deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan dua fasa. Fasa pertama, bertujuan untuk mencapai objektif pertama dan ketiga, data yang diperolehi melalui kajian dokumen dengan menggunakan analisis kandungan. Fasa kedua, bertujuan untuk mencapai objektif kedua, data yang diperolehi melalui kajian tinjauan dan dianalisis dengan analisis deskriptif, inferens dan regresi berganda. Hasil objektif pertama mendapati bahawa konsep pemilihan dalam perspektif Islam adalah seseorang itu perlu mengenal pasti tujuan dan matlamat terhadap pemilihan sesuatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak institusi dengan menggunakan pendekatan fiqh al-'awlawiyyāt. Dalam konteks institusi pendidikan Islam, terdapat lapan dimensi penentu pemilihan iaitu pengetahuan agama, kepatuhan agama, kepuasan ibu bapa, kurikulum, pentadbiran, budaya sekolah, infrastruktur dan keupayaan kewangan. Seterusnya, hasil analisis deskriptif untuk mencapai objektif kedua menunjukkan tahap pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH adalah tinggi (M=4.47). Hasil analisis inferens menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana dan signifikan ($r=0.495$, $p=0.000$) antara konstruk intrinsik dengan pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH. Konstruk ekstrinsik pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan. Tiga dimensi mempengaruhi pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH iaitu kepuasan ibu bapa ($B=0.525$) dan kepatuhan agama ($B=0.138$) bagi konstruk intrinsik. Konstruk ekstrinsik pula dimensi kurikulum ($B=0.576$) mempengaruhi pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH. Dimensi kurikulum adalah merupakan dimensi yang paling dominan di antara lapan dimensi pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH. Kajian ini telah berjaya menghasilkan konsep dan dimensi pemilihan IPI berdasarkan perspektif Islam dan menambah dua pemboleh ubah intrinsik dalam bidang pemilihan IPI yang dapat dimanfaatkan oleh pengguna muslim dalam memilih IPIS.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelidikan	Nombor Panggilan	Abstrak
8	Konsep Bangunan Hijau Berteraskan Islam Berdasarkan Kompleks Suleymaniye Di Turki	Hayati Binti Saleh	2018	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni	HT161.R014.H413 2018	<p>Bangunan hijau merupakan satu kaedah dalam menyelesaikan krisis pembangunan dalam sektor bangunan. Umumnya, bangunan hijau menekankan elemen fizikal merangkumi kecekapan tenaga, air, bahan, tanah dan kualiti udara dalaman yang kesemuanya merupakan dimensi luaran. Dalam konteks bangunan hijau lazim terdapat pengabaian pada dimensi dalaman ini. Pengabaian ini membawa kepada kesan negatif kepada manusia dan alam dalam tiga aspek iaitu ekosistem, kesihatan dan kepenggunaan. Namun, tidak pernah digariskan lagi apakah dimensi dalaman bangunan hijau tersebut. Bangunan hijau lazim yang diperkenalkan tidak kelihatan menangani dimensi dalaman. Dalam konteks bangunan hijau berteraskan Islam (BHBI), ia mengandungi dua dimensi iaitu dimensi luaran yang merangkumi dan mengambil kira elemen fizikal bangunan hijau lazim tersebut dan dimensi dalaman yang mengambil kira elemen spiritual. Oleh itu, sebuah konsep bangunan hijau berteraskan Islam (BHBI) perlu dibina supaya matlamat kejayaan sebenar manusia dapat dicapai dan secara langsung menangani krisis pembangunan yang dihadapi. Berdasarkan sejarah, Kompleks Suleymaniye mempunyai kekuatan dan kelebihan yang tersendiri berbanding bangunan-bangunan Islam yang lain dalam memenuhi dimensi luaran dan dalaman bagi memenuhi fitrah manusia, haiwan dan alam. Kompleks ini dibangunkan untuk memenuhi keperluan sosioagama ketika zaman kemuncak empayar Uthmaniah yang secara langsung menerajui dunia ketika itu. Kajian ini cuba untuk menyelesaikan isu-isu tersebut dengan membina konsep BHBI berdasarkan Kompleks Suleymaniye melalui tiga objektif. Pertama, mengenal pasti latar belakang Kompleks Suleymaniye. Kedua, menganalisis konsep bangunan hijau berteraskan Islam berdasarkan bangunan hijau Kompleks Suleymaniye. Ketiga, mengemukakan konsep BHBI berdasarkan Kompleks Suleymaniye. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian kualitatif berbentuk penerokaan dijalankan. Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder yang diperolehi daripada kajian lapangan dan kajian dokumen. Kajian lapangan ini melibatkan pemerhatian dan temu bual separuh berstruktur dengan enam informan. Kajian ini telah berhasil mengemukakan tiga prinsip dan tujuh peranan bagi konsep BHBI berdasarkan Kompleks Suleymaniye. Tiga prinsip spiritual tersebut merangkumi ketauhidan kepada Allah SWT, fitrah dan keindahan. Sementara itu, tujuh peranan BHBI terdiri daripada peranan sebagai pusat sosioagama, keperluan syariah, kelestarian maslahat, pembiayaan wakaf, keharmonian semula jadi, keharmonian manusia dan syiar Islam. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan dua implikasi. Pertama, implikasi teoretis iaitu mendatangkan konsep BHBI. Kedua, implikasi praktis yang menyumbang kepada kelestarian bangunan dalam pembangunan.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelidikan	Nombor Panggilan	Abstrak
9	Kelestarian Mekanisme Pembiayaan Pembangunan Wakaf Institusi Pondok Di Negeri Kedah	Farahdina Binti Fazial	2018	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	HG4001.R015.F219 2018	<p>Kebanyakan institusi pondok di Negeri Kedah beroperasi dalam keadaan serba kekurangan disebabkan tiada bantuan khusus diterima. Institusi pondok juga hanya mengharapkan sumbangan masyarakat semata-mata untuk terus beroperasi. Bagi mengatasi masalah ini, institusi pondok perlu berusaha untuk menjana kewangan bagi memastikan pembiayaan kewangan pondok dilestarikan. Secara umumnya, kajian ini mempunyai tiga objektif kajian dan lapan persoalan kajian. Pertama, mengenal pasti jenis wakaf yang diterima oleh institusi pondok di Negeri Kedah. Kedua, menganalisis kelestarian mekanisme pembiayaan pembangunan wakaf institusi pondok di Negeri Kedah. Ketiga, merumuskan kelestarian mekanisme pembiayaan pembangunan wakaf institusi pondok di Negeri Kedah. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif dan menjawab lapan persoalan kajian tersebut, kajian kualitatif asas berbentuk penerokaan telah dijalankan. Pengumpulan data bagi kajian ini merangkumi dua kaedah iaitu pengumpulan data primer dan data sekunder. Bagi pengumpulan data primer, sesi temu bual mendalam telah dilakukan terhadap dua kumpulan informan. Kumpulan pertama ialah mudir pondok di Negeri Kedah dan kumpulan kedua ialah informan yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan. Maklumat temu bual dianalisis menggunakan analisis kandungan dengan bantuan Perisian ATLAS. Ti versi 8.0 (PAV 8.0). Kebanyakan wakaf yang diterima oleh institusi pondok adalah berbentuk wakaf khayri. Selain itu, jenis-jenis wakaf yang paling utama ialah wakaf berbentuk tradisional seperti wakaf tanah, wakaf bangunan dan wakaf istibdal manakala wakaf kontemporari ialah wakaf tunai dan wakaf kaki. Hasil penelitian yang dilakukan, terdapat beberapa mekanisme pembiayaan pembangunan antaranya kaedah pertanian, wakaf tunai, wakaf kaki, wakaf crowdfunding, wakaf istibdal dan kaedah mudarabat. Selain itu, berdasarkan analisis lima elemen pembiayaan pembangunan wakaf di institusi pondok di Negeri Kedah iaitu kefahaman, pengurusan, undang-undang, pemasaran dan pembangunan mendapati hampir semua informan bersetuju dan yakin bahawa pembiayaan pembangunan wakaf merupakan satu kaedah yang penting untuk diaplikasikan oleh setiap institusi pondok dalam meningkatkan ekonomi dan mengelakkan institusi pondok hanya bergantung kepada sumbangan masyarakat semata-mata. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan mekanisme dikemukakan oleh informan antaranya projek pertanian dan perladangan, sewaan bangunan wakaf, menggabungkan harta wakaf yang tidak produktif serta memperluaskan penggunaan wakaf tunai. Kelestarian mekanisme pembiayaan pembangunan yang dilaksanakan ini secara tidak langsung meningkatkan penggunaan wakaf untuk dijadikan sebagai sumber pembiayaan pembangunan institusi pondok di Negeri Kedah.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelidikan	Nombor Panggilan	Abstrak
10	Penentu Gelagat Isi Rumah Muslim M40 Di Selangor Terhadap Tujuan Berhutang Dari Perspektif Islam	Hainnur Aqma Binti Rahim	2018	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	HB801.R016.H153 2018	Kebergantungan negara terhadap industri hutang telah menyaksikan nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2015 melebihi paras 89.1 peratus berbanding 87.9 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kadar hutang isi rumah yang tertinggi di Asia. Asasnya, hutang diharuskan dalam Islam untuk membolehkan Muslim mendapatkan barangan keperluan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Namun demikian, terdapat segelintir masyarakat yang masih berhutang untuk berbelanja mewah dan tidak mengikut panduan berhutang yang selari dengan tuntutan Islam. Dalam meneliti gelagat pengguna, teori ekonomi Barat melihat perbelanjaan isi rumah yang dilakukan sehingga mengakibatkan pembaziran bukanlah satu isu yang serius, sekiranya perbelanjaan yang dilakukan mampu merancakkan aktiviti ekonomi. Namun demikian, perbelanjaan yang dibuat sehingga membawa masalah pembaziran sangat ditegah dalam Islam. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan wujudnya pertentangan nilai antara teori ekonomi Barat dengan amalan kehidupan yang disyariatkan dalam Islam, iaitu perbelanjaan itu dituntut tetapi bukanlah dibelanjakan sehingga membawa kepada pembaziran, penganiayaan serta membebankan (berbelanja tidak mengikut kemampuan dan sampai berhutang). Melihat kepada isu ini, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penentu gelagat Muslim M40 di Selangor terhadap tujuan berhutang. Tujuan berhutang dalam kajian ini difokuskan kepada tujuan berhutang untuk keperluan dan kemewahan. Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti penentu gelagat Muslim M40 di Selangor terhadap tujuan berhutang. Penentu gelagat terdiri daripada empat iaitu Kefahaman Mengenai Prinsip Hutang Islam, Kefahaman Sistem Kewangan/Perbankan Islam, Keyakinan terhadap Produk Kewangan/Perbankan Islam dan Kemudahan Kredit yang Ditawarkan. Kedua, menganalisis kesan pengantaraan Sikap dalam hubungan antara faktor penentu gelagat dengan tujuan berhutang dalam kalangan Muslim M40 di Selangor. Ketiga, merumuskan faktor gelagat yang mempengaruhi tujuan berhutang dalam kalangan Muslim M40 dari perspektif Islam. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dan penjelasan telah dijalankan. Seramai 438 orang Muslim M40 yang berhutang di Selangor terlibat dalam kajian ini. Data dikutip melalui borang soal selidik dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata. Statistik deskriptif dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 22, manakala statistik inferens dianalisis dengan menggunakan perisian Smart-PLS versi 3.2.7. Dapatan kajian bagi objektif kajian pertama menunjukkan kefahaman mengenai prinsip hutang Islam dan kemudahan kredit yang ditawarkan mempengaruhi sikap Muslim M40 di Selangor dalam amalan berhutang. Dapatan kajian bagi objektif kedua menunjukkan wujud mediator bagi faktor sikap dalam hubungan antara kefahaman mengenai prinsip hutang Islam dan kemudahan kredit yang ditawarkan. Dapatan kajian bagi objektif ketiga merumuskan kesemua pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi tujuan berhutang dari perspektif Islam. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan kefahaman prinsip hutang Islam dan kemudahan kredit yang ditawarkan berupaya mempengaruhi tujuan Muslim M40 berhutang, baik berhutang untuk keperluan mahupun kemewahan. Dalam pada itu, sikap

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN PADA TAHUN 2017

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Aplikasi Kaedah Tafsir Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	Abdul Hanis Embong	2017	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Mohd Shukri Hanapi	BP100.R019.H2392017	<p>Kaedah penyelidikan lazim (KPL) dan kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI) merupakan dua kaedah penyelidikan yang berbeza. KPL terbina daripada tasawur lazim yang dipelopori oleh orang-orang Barat, manakala KPBI pula terbina daripada tasawur Islam yang dipelopori oleh orang-orang Islam. Dalam konteks penyelidikan ini, KPL telah menjadi suatu kaedah penyelidikan sejagat yang berlandaskan epistemologi dan tasawur pemikiran Barat seperti positivisme, bebas nilai dan hermeneutik. Persoalannya, apakah KPL ini relevan untuk digunakan bagi mengkaji tentang Islam dan perihal orang Islam sedangkan epistemologi dan tasawurnya berbeza? Adakah KPL yang mempunyai beberapa kelemahan dari sudut alat analisis dan falsafahnya ini boleh menghasilkan dapatan kajian yang selari dengan piawai Islam? Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan untuk membina satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam bagi tujuan penggunaannya dalam bidang penyelidikan Islam. Untuk pembinaan ini, salah satu ilmu Islam iaitu kaedah tafsir al-Qur'an telah dikenal pasti berpotensi untuk dijadikan suatu kaedah penyelidikan Islam yang sistematik dan komprehensif. Berdasarkan permasalahan yang timbul, kajian ini dilakukan dengan tiga objektif khusus. Pertama, mengenal pasti kaedah tafsir al-Qur'an. Kedua, menganalisis kaedah tafsir dari perspektif KPBI. Ketiga, merumuskan pembinaan kaedah tafsir untuk diaplikasikan dalam KPBI. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif ini, kajian berbentuk kualitatif dijalankan menggunakan reka bentuk penjelasan terhadap kaedah tafsir. Data sekunder yang terdiri daripada kajian-kajian dan karya-karya klasik serta kontemporari diperoleh melalui kajian perpustakaan dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Akhirnya, kajian ini menghasilkan tiga dapatan. Pertama, kaedah tafsir merupakan satu gerak kerja ilmiah dalam memberi tafsiran kepada ayat-ayat al-Qur'an dan ia bertunjangkan kepada wahyu Allah SWT iaitu al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW. Kedua, kaedah tafsir yang telah digunakan oleh mufassirin (ahli-ahli tafsir) mempunyai tiga bahagian utama, iaitu pendekatan tafsir, corak tafsir dan teknik tafsir. Pendekatan tafsir terdiri daripada dua pendekatan iaitu tafsir bi al-ma'thur dan tafsir bi al-ra'y. Corak tafsir pula terdiri daripada lapan corak, tafsir al-fiqhiy, tafsir al-sufiy, tafsir al-bayaniy, tafsir al-ilhadiy, tafsir al-falsafiy, tafsir al-'ilmiy, tafsir al-madhhabiy dan tafsir al-adab al-'ijtima'iy. Manakala teknik tafsir terdiri daripada empat teknik, al-tahliliy, al-ijmaliy, al-muqaran dan al-mawdu'iy. Ketiga, semua kaedah tafsir ini sesuai untuk diaplikasikan dalam KPBI berdasarkan tiga komponen dalam penyelidikan; pertama, corak tafsir sebagai penentuan reka bentuk kajian; kedua, pendekatan tafsir sebagai kaedah pengumpulan data kajian; dan ketiga, teknik tafsir sebagai kaedah penganalisan data kajian. Selain itu, hasil kajian mendapati kaedah ini mempunyai kekuatan khususnya dari sudut epistemologi, tasawur dan operasional yang menyeluruh terhadap penyelidikan Islam dan perihal orang Islam. Justeru, kaedah tafsir sebagai KPBI ini memberi implikasi dari sudut pemahaman tentang kaedah tafsir yang sebelum ini hanya digunakan dalam pentafsiran ayat al-Qur'an semata-mata.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
2	Conceptualising Islamic Hospitality Management	Azreen Hamiza Abdul Aziz	2017	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	BP170.2.R029.AZ997 2017	<p>The service sector is one of the main sectors that contribute the most to the economy. Becoming the dominant segment of the economy proves that it has contributed greatly in developing the growth of the economy at a fast pace. One of the most contributed areas in service management is hospitality management. Since the development of Islamic tourism and Islamic finance, there is a rapid growth in Islamic hospitality too. Islamic hospitality plays an important part in the economy as the demand for Islamic hospitality is gaining extensive popularity since the emerging population and the lack of ability of the current hospitality management industry to cater in terms of Muslim population and the Muslim market share in the global economy. The need to introduce Islamic hospitality management has become pertinent as the concept of Islamic hospitality management has yet to develop. By looking at this problem, this study attempts to explore the new niche of Islamic hospitality and conceptualise Islamic hospitality management based on al-Qur'an and Hadith through three objectives. First, is to identify the concept of hospitality in Islam. Second, is to analyse the principles and elements of Islamic hospitality. Third is to conceptualise Islamic hospitality management for contemporary practices. In answering the objectives, this study uses the qualitative research method with exploratory research design. This study also uses secondary data that are from two main sources. The first source is from the primary source of al-Qur'an and Hadith whereas the second source is from any documents and literature that are related to Islamic hospitality. Library research is used to obtain different types of theories, concepts and elements with qualitative content analysis to be carried out as the method of analysis. The findings of the study discover that the new concept of Islamic hospitality management is an ideal foundation of Islamic hospitality as well as service management that is durable in the industry with five principles and seven elements in it. The formation of Islamic hospitality management concept is using Islamic management as the method of managing it. In summary, the study has shown that the concept developed is truly based on al-Qur'an and Hadith that aim to be an ideal concept that can fulfil the need of the hospitality industry in the end.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
3	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerimaan Usahawan Kecil Muslim Kelantan Terhadap Ar-Rahnu	Salimah Yahaya	2017	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya. Dr. Zakaria Bahari	HD2340.8.R017.SA165 2017	<p>Ar-Rahnu bermaksud meletakkan sesuatu barang berharga sebagai jaminan atau cagaran oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman. Tujuan utama Ar-Rahnu diperkenalkan adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan, selain bermatlamat membantu usahawan kecil mendapatkan pembiayaan untuk menjalankan aktiviti keusahawanan. Isunya, usahawan kecil sering menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan modal. Pertama, kerana tidak mendapat kepercayaan daripada institusi kewangan ekoran daripada tiada jaminan pembayaran balik pinjaman. Kedua, rentetan daripada akta perbankan yang terlalu ketat, antaranya masalah kerenah birokrasi, syarat-syarat pinjaman yang ketat, beban kadar faedah pinjaman yang tinggi, keperluan kepada cagaran yang bernilai tinggi, keperluan kepada penjamin serta kaedah pembayaran yang membebankan. Sehingga kini, Ar-Rahnu semakin berkembang dengan baik, namun dikatakan bahawa penggunaan Ar-Rahnu banyak menjurus kepada keperluan domestik berbanding untuk tujuan kegiatan produktif. Persoalannya, bagaimana penerimaan Ar-Rahnu bagi tujuan keusahawanan? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan usahawan kecil terhadap Ar-Rahnu? Satu kaji selidik dilakukan untuk mengenal pasti tahap penerimaan usahawan kecil Muslim di Kelantan terhadap Ar-Rahnu dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan usahawan kecil Muslim di Kelantan terhadap Ar-Rahnu. Selain itu, turut merumuskan keseluruhan faktor yang mempengaruhi penerimaan usahawan kecil Muslim di Kelantan terhadap Ar-Rahnu. Soal selidik diedarkan kepada 350 orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan yang terdiri daripada usahawan kecil Muslim di Negeri Kelantan. Hasil dapatan dianalisis menerusi statistik deskriptif untuk mengetahui nilai min, sisihan piawai dan peratusan. Selain itu, data yang diperoleh juga dianalisis menggunakan statistik inferensi menerusi ujian korelasi Pearson dan regresi. Dapatan ini dianalisis menggunakan perisian "Statistical Package For Social Sciences" (SPSS) versi 22.0. Hasil dapatan mendapati, usahawan kecil Muslim di Kelantan menunjukkan tahap penerimaan yang positif terhadap kesemua item dalam konstruk intrinsik, ekstrinsik dan kepatuhan beragama melalui nilai skor min tinggi yang ditunjukkan. Hasil analisis menggunakan korelasi dan regresi mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan secara positif dan signifikan terhadap Ar-Rahnu ialah dimensi pertimbangan halal haram, kefahaman, kos upah simpan, promosi serta ciri-ciri produk dan perkhidmatan. Penemuan utama kajian ini mendapati, faktor kepatuhan beragama tidak mempengaruhi usahawan kecil untuk memilih Ar-Rahnu. Implikasinya, institusi-institusi Islam termasuk Ar-Rahnu didapati banyak mempromosikan produk dan perkhidmatan Islam menggunakan pendekatan 'agama' untuk melariskan, sedangkan „agama“ bukan faktor utama yang mempengaruhi keputusan usahawan dalam memilih pembiayaan kewangan. Hasil kajian ini memberi sumbangan yang cukup signifikan kepada bidang pembiayaan mikro Islam, Ar-Rahnu dan tingkah laku usahawan Islam dari aspek emperikal.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
4	Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam Dengan Rujukan Khusus Parti Politik Melayu-Islam Di Malaysia	Wafdi Auni Bin Mohamed	2017	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Mohd Syakir bin Mohd Rosdi	JC49.R02 1.W128 2017	<p>Konsep kerajaan perpaduan pernah dikemukakan di Malaysia selepas berlakunya 'tsunami politik' pada tahun 2008, namun ia tidak terlaksana. Kerajaan perpaduan yang ingin dilaksanakan itu adalah berasaskan permuafakatan politik melalui perpaduan parti-parti politik pro-kerajaan dan pro-pembangkang untuk membentuk kerajaan. Konsep permuafakatan seperti ini pernah dibentuk di beberapa negara di Eropah, Afrika dan Asia. Bahkan telah diaplikasi di negara Muslim seperti Palestin dan Indonesia. Namun, ia masih lagi gagal menyelesaikan konflik dan krisis dalaman negara pengamalnya. Persoalannya, adakah wajar permuafakatan politik dibentuk melalui konsep kerajaan perpaduan di Malaysia? Apakah kesesuaian yang perlu jika konsep kerajaan perpaduan diambil sebagai bentuk kerjasama dalam kalangan parti politik Melayu-Islam? Berdasarkan persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan, kajian ini bertujuan mengkaji konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dan kesesuaiannya dalam membentuk kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia. Secara spesifik, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Kedua, menganalisis perpaduan parti politik Melayu-Islam di Malaysia berdasarkan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Ketiga, mencadangkan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dalam kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui reka bentuk kajian penerokaan dan deskriptif dengan melibatkan dua fasa. Fasa pertama dikhususkan kepada pengumpulan data sekunder yang dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan bagi menjawab objektif pertama. Hasil penelitian mendapati setakat ini konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam masih belum dikaji. Oleh itu, satu kerangka konseptual kerajaan perpaduan berteraskan Islam telah dibangunkan. Kerangka ini berdasarkan lima kesimpulan yang ditemui. Pertama, konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam merupakan manifestasi daripada Negara Madinah 622-632M yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW. Kedua, konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam merupakan sebuah konsep pembentukan kerajaan yang beracuankan tasawur Islam dengan menjadikan paradigma Tauhid sebagai tunjang dan bersumberkan epistemologi Islam. Ketiga, terdapat tiga prinsip kerajaan perpaduan berteraskan Islam iaitu perpaduan insaniyyat, perpaduan diniyyat dan perpaduan wataniyyat. Keempat, ciri-ciri kerajaan perpaduan berteraskan Islam yang merangkumi kepimpinan, syura, jaminan perlembagaan dan keadilan. Kelima, dua kaedah pelaksanaan kerajaan perpaduan berteraskan Islam iaitu melalui kaedah ukhuwah Islamiah dan tahaluf siyasi. Fasa kedua pula tertumpu kepada pengumpulan data primer melalui instrumen sesi temu bual mendalam terhadap sembilan (9) informan terpilih bagi menjawab objektif kedua dan ketiga. Dapatan kajian yang telah dikumpulkan itu kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dengan menggunakan Perisian ATLAS.ti versi 7.1.8. Berdasarkan rumusan analisis dapatan kajian, konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam sesuai diaplikasikan di Malaysia terutama dalam membentuk kerjasama dan perpaduan parti-parti politik Melayu-Islam dengan menekankan kaedah ukhuwah Islamiah dan tahaluf siyasi.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
5	Strategi Pengurusan Insan Universiti Sains Malaysia (USM): Satu Kajian Dari Perspektif Islam	Lenny Anak Luat	2017	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni Ahmad	HV1421.R022.L568 2017	<p>Kajian ini bertujuan meneliti strategi pengurusan insan Universiti Sains Malaysia dan kajian dari perspektif Islam sebagai fokus kajian. Kajian ini cuba merungkai isu-isu sosial yang membabitkan insan di institusi-institusi masa kini. Penyelidikan mendapati pelbagai isu membabitkan insan melibatkan skandal-skandal korporat seperti penyelewengan, manipulasi, rasuah dan pecah amanah dilakukan di institusi-institusi di seluruh dunia. Selain itu, pelbagai isu sosial berkaitan insan antaranya seperti pembunuhan, rompakan dan perjudian. Justeru, timbul persoalan apakah strategi yang paling sesuai dalam mengurus insan pada masa kini? Oleh itu, kajian ini meneliti strategi pengurusan insan dari perspektif Islam yang diaplikasikan oleh USM. Justeru timbul persoalan, sejauh manakah USM merealisasikan strategi pengurusan insan yang dilakukan untuk membentuk insan di USM? Persoalannya, bagaimanakah strategi pengurusan insan yang dipakai oleh USM sekiranya dilihat dari perspektif Islam? Bertitik tolak daripada isu ini, kajian ini cuba meneliti strategi yang telah digunakan oleh USM untuk memastikannya mencapai matlamatnya sebagai universiti APEX yang pertama di Malaysia. Terdapat tiga objektif yang dikemukakan iaitu pertama, mengenal pasti strategi pengurusan insan dari perspektif Islam; kedua menganalisis strategi pengurusan insan USM dari perspektif Islam; serta ketiga, merumuskan strategi pengurusan insan USM dari perspektif Islam. Untuk menjawab objektif tersebut, kajian ini menggunakan kaedah kajian penjelasan. Kajian ini turut menggunakan kaedah kajian dokumen, temu bual semi berstruktur dan pemerhatian turut serta untuk pengumpulan data primer. Selain itu, kajian ini juga turut menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk pengumpulan data sekunder dalam tesis ini. Kajian kepustakaan ini digunakan untuk meneliti pengurusan insan, strategi pengurusan insan serta USM menerusi kajian-kajian terdahulu, karya-karya berkaitan, laporan tahunan USM, ucapan naib canselor dan perkembangan semasa berkaitan dengan tesis ini. Kesemua data dianalisis menggunakan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian ini mendapati elemen material dan spiritual diberi penekanan dalam strategi pengurusan insan dari perspektif Islam di USM. Kedua-dua elemen ini diberi penekanan dalam pembentukan strategi pengurusan insan dari perspektif Islam untuk kakitangan USM.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
6	Penentuan Pemilihan Pembiayaan Perumahan Musyarakah Mutanaqisah (MM) Dalam Kalangan Pelanggan Muslim Perbankan Islam	Nor Hatizal Binti Amarul Shah	2017	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Madya Dr. Zakaria Bahari	HG1641.R023.H364 2017	<p>Produk pembiayaan perumahan MM telah mula ditawarkan pada tahun 2005 di Malaysia. Namun begitu perkembangan produk pembiayaan perumahan MM agak perlahan dari tahun 2005 hingga 2016. Jika ditinjau daripada sudut penawaran bank, pihak bank tidak berminat untuk menawarkan produk MM sebagai produk pembiayaan perumahan yang utama. Manakala daripada sudut pengguna, beberapa faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik telah dikenal pasti mempengaruhi pelanggan untuk memilih produk pembiayaan perumahan MM. Keadaan suasana masyarakat Islam yang mengasingkan ilmu agama dan dunia ini berkemungkinan akan mempengaruhi faktor intrinsik iaitu motivasi intrinsik, keyakinan dari sudut pematuhan nilai Syariah dan tahap pengetahuan pelanggan. Manakala faktor ekstrinsik iaitu ciri-ciri produk MM, kualiti perkhidmatan, kos dan manfaat produk turut dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi pemilihan pelanggan MM di Malaysia. Oleh itu, kajian ini mempunyai empat objektif kajian. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti perbezaan dari sudut faktor demografi terhadap pemilihan produk pembiayaan perumahan MM. Objektif kedua adalah untuk menganalisis hubungan secara langsung faktor penentu terhadap pemilihan produk pembiayaan perumahan MM. Objektif ketiga adalah untuk menganalisis hubungan secara tidak langsung faktor penentu terhadap pemilihan produk pembiayaan perumahan MM selepas melalui faktor promosi dan faktor kepatuhan beragama sebagai pencelah manakala objektif keempat adalah merumuskan peranan faktor promosi dan faktor kepatuhan beragama sebagai pencelah. Sebanyak 100 orang responden dipilih dalam kalangan pelanggan Muslim perbankan Islam yang telah memilih produk pembiayaan perumahan MM. Data dikutip melalui borang soal selidik dengan menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian rawak mudah bertujuan dan kaedah snowball. Ujian kebolehppercayaan data dan ujian ANOVA dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS manakala ujian t dianalisis dengan menggunakan perisian SMART-PLS. Hasil dapatan objektif pertama menunjukkan bahawa tiada perbezaan pendapat antara gender, umur, pendapatan, pekerjaan dan tahap pendidikan formal responden semasa memilih MM. Hasil kajian objektif kedua menunjukkan bahawa melalui hubungan secara langsung, hanya faktor promosi dan faktor kepatuhan beragama sahaja signifikan dengan pemilihan MM. Hasil kajian objektif ketiga menunjukkan bahawa faktor motivasi intrinsik, faktor tahap pengetahuan pelanggan, faktor ciri-ciri produk MM, faktor kualiti perkhidmatan dan faktor manfaat produk signifikan selepas melalui faktor promosi sebagai pencelah manakala faktor motivasi intrinsik, faktor keyakinan dari sudut pematuhan nilai Syariah, faktor ciri-ciri produk MM, faktor kualiti perkhidmatan dan faktor kos pula signifikan selepas melalui faktor kepatuhan beragama sebagai pencelah. Objektif keempat kajian merumuskan bahawa faktor promosi dan kepatuhan beragama sesuai berperanan sebagai pencelah. Ini memberikan gambaran bahawa faktor promosi perlu ditingkatkan kerana ianya memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap pengetahuan pelanggan mengenai manfaat produk MM dan mampu mempengaruhi perkembangan produk pembiayaan perumahan MM. Peranan faktor promosi juga lebih besar daripada faktor kepatuhan beragama dalam mempengaruhi pemilihan produk pembiayaan perumahan MM.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
7	Investing The Use Of Islamic Based Relationship Marketing Approach In Selected Malaysia Takaful Companies	Murni Binti Yusoff	2017	Tesis Doktor Falsafah	Associate Professor Dr Zakaria Bahari	HG4530.R024.M977 2017	<p>The emergence of relationship marketing (RM) has commonly been connected to the financial services industry. In Islamic financial services industry, particularly Takaful is implementing the RM in various creative ways. Regrettably, the issue of unethical marketing practices seems to be the main contributors to the surrender of policy among Takaful participants in Malaysia. Therefore, this research intends to explore the issue from the root which derives from the worldview and epistemology embedded in RM by investigating the RM approach implemented in Takaful companies. The differences in worldview and epistemology have lead to different practices in reality of business. Specifically, there are three objectives to be achieved in the research. The first objective is to identify the Islamic-based RM (IBRM) approach to be applied in the Malaysian Takaful Companies (MTC). The second objective is to investigate the RM approach currently implemented in selected MTC while the third objective is to conclude the RM approach implemented in selected MTC based on the IBRM approach identified. The method applied in the research is qualitative research with involving two phases of collecting data such as theoretical and empirical phases. The theoretical phase uses the document research and feedback from a group of experts, while the empirical phase applied fieldwork. In empirical phase, the fieldwork is conducted in two selected MTC, namely Syarikat Takaful Malaysia Berhad and Takaful Ikhlas Berhad through in-depth interviews and observations. The data collected is analyzed using qualitative content analysis. The findings show that there are differences from each other in terms of implementation of RM by both informants based on IBRM approach identified though the concept is Tawhid. There are differences and similarities of the RM approach implemented base Tawhid on the IBRM approach in terms of elements applied. The differences appear in the element of Qana'at. The similarities appear in implementing the concept of Tawhid embedded in their marketing approach and the eight elements practiced such as religious obedience, trustworthy, accountability, transparency, communication, commitment, fair dealing, and moderate. However, the observations conducted in specified period show that there are several elements in the RM approach implemented are given less emphasis such as religious obedience, commitment, communication, and accountability and are suggested to be prioritized in practice.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
8	Program Latihan Dalam Pengurusan Insan Institusi Berteraskan Islam Di Institut Latihan Islam Malaysia	Abang Mohd. Razif Bin Mohd Muis	2017	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni Ahmad	HD5701.R025.R278 2017	<p>Isu-isu semasa yang berkaitan dengan jenayah melibatkan institusi pembangunan berteraskan Islam (IPBI) dan orang-orang Islam dilaporkan sering kali berlaku. Salah satu kaedah untuk mengatasi permasalahan ini adalah dengan menjadikan program latihan dalam pengurusan insan berteraskan Islam sebagai medium untuk membangunkan insan yang cemerlang dalam aspek jasmani dan rohani. Sehubungan itu, apakah asas-asas program latihan dalam pengurusan insan berteraskan Islam? Adakah program latihan dalam pengurusan insan IPBI di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) selari dengan asas-asas tersebut? Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mencapai empat objektif kajian. Pertama, mengenal pasti asas program latihan dalam pengurusan insan berteraskan Islam. Kedua, mengenal pasti program latihan dalam pengurusan insan IPBI terpilih di ILIM. Ketiga, menganalisis program latihan dalam pengurusan insan ILIM berdasarkan asas-asas program latihan dalam pengurusan insan berteraskan Islam. Keempat, merumuskan dan mencadangkan penambahbaikan program latihan dalam pengurusan insan ILIM berdasarkan asas-asas program latihan dalam pengurusan insan berteraskan Islam. Kesemua objektif kajian tersebut dicapai menggunakan reka bentuk penerokaan dan deskriptif serta terbahagi kepada tiga fasa kajian. Kaedah temu bual berstruktur, kaedah pemerhatian tanpa turut serta dan kaedah kajian dokumen digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Ia dianalisis berdasarkan kaedah analisis kandungan kualitatif dengan dibantu perisian Atlas.ti versi 8 (PAV 8). Fasa pertama kajian ini telah menggariskan asas-asas program latihan dalam pengurusan insan berteraskan Islam yang merangkumi acuan, prinsip-prinsip dan matlamat utama. Acuan program latihan dalam pengurusan insan ialah akidah tauhid yang menjadi paksi utama dalam pembangunan berteraskan Islam. Prinsip-prinsipnya pula dibahagikan kepada lima prinsip utama. Pertama, manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Kedua, ibadah sebagai perkaedahan pembangunan. Ketiga, sumber alam sebagai peralatan pembangunan. Keempat, kesepaduan dunia dan akhirat; dan kelima, penekanan nilai-nilai Islam. Matlamat utama dan akhirnya adalah mardhat Allah atau keredaan Allah SWT. Dalam fasa kedua kajian ini, lima daripada sepuluh buah IPBI terpilih dikenal pasti mengguna pakai program latihan dalam pengurusan insan ILIM. Fasa ketiga kajian pula menganalisis program latihan dalam pengurusan insan ILIM. Ia dapat dibahagikan kepada 5 bentuk utama dan terdapat 12 kategori. Secara keseluruhannya, program latihan dalam pengurusan insan ILIM ini adalah selari dengan asas-asas program latihan dalam pengurusan insan berteraskan Islam. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang boleh ditambahbaikkkan bagi menjadikan program latihan dalam pengurusan insan ILIM lebih baik. Dapatan kajian ini memberikan impak penting kerana ia menjadi asas untuk memperkembangkan lagi program latihan dalam pengurusan insan berteraskan Islam yang menyeluruh merangkumi pembangunan insan dalam aspek jasmani dan rohani yang berdasarkan tasawur Islam terutamanya dalam bidang pengurusan insan umumnya dan juga terhadap para pekerja Muslim di IPBI khususnya di Malaysia.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
9	Objektiviti Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Analisis Terhadap Objektiviti Al-Biruni dalam Kitab Al-Hind	Nur Ilani Binti Mat Nawi	2017	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni Ahmad	BP160.R026.IL27 2017	Salah satu sifat penyelidikan saintifik adalah objektiviti. Objektiviti dikaitkan dengan membebaskan diri daripada segala bentuk nilai termasuk dogma agar penyelidikan mencapai tahap kebenaran yang mutlak menurut fahaman Barat. Fahaman mengenai objektiviti ini kurang sesuai bagi penyelidik Muslim, malah ia boleh membawa kepada keruntuhan akidah seseorang Muslim. Persoalannya, objektiviti yang bagaimana diperlukan bagi Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam (KPBI)? Adakah seperti objektiviti al-Biruni yang melakukan penyelidikan berkaitan masyarakat beragama Hindu? Setakat ini, al-Biruni diiktiraf objektif oleh penyelidik Barat mahupun penyelidik Muslim sendiri. Jika begitu, objektiviti yang bagaimanakah diguna pakai oleh al-Biruni? Bagaimanakah objektiviti dapat mengckalkan akidah beliau sebagai seorang Muslim daripada masa yang sama menghasilkan Kitab al-Hind? Bertitik tolak daripada persoalan ini, kajian dilakukan bagi membentuk suatu pemikiran baru tentang objektiviti dalam KPBI berasaskan analisis objektiviti al-Biruni dalam Kitab al-Hind. Kajian ini mengandungi tiga objektif. Pertama, mengenal pasti objektiviti dalam KPBI. Kedua, menganalisis objektiviti al-Biruni dalam Kitab al-Hind untuk diguna pakai dalam KPBI. Ketiga, merumuskan objektiviti dalam KPBI berdasarkan analisis objektiviti al-Biruni dalam Kitab al-Hind. Kajian ini merupakan kajian penerokaan. Data bagi kajian ini dikumpul menggunakan kajian dokumen dan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Dapatan utama bagi kajian ini mendapati bahawa objektiviti KPBI adalah mencapai kebenaran hakiki dan kebenaran ilmu. Terdapat tiga elemen bagi mencapai kebenaran iaitu clemen hati, lisan dan perbuatan. Hasil analisis terhadap al- Biruni dalam Kitāb al-Hind mendapati bahawa al-Biruni memenuhi kriteria objektiviti KPBI. Hasil daripada analisis tersebut juga mendapati terdapat tiga proses mencapai objektiviti KPBI. Pertama, proses pembentukan peribadi penyelidik. Kedua, proses pemilihan subjek kajian. Ketiga, proses penyelidikan yang dijalankan. Kajian ini akhirnya membentuk suatu pemikiran bahawa objektiviti KPBI merupakan objektiviti hakiki yang terbina melalui proses bagi mencapai kebenaran hakiki dan kebenaran ilmu. Pemikiran ini bolch diaplikasikan dalam sesebuah institusi penyelidikan.

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
10	Andaian Ketidak-terhadan Kehendak Manusia Dalam Ekonomi Islam Arus Perdana: Analisis Berdasarkan Tasawur Islam	Mohd Zulkifli Muhammad	2017	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	HB801.R028.Z94 2017	Salah satu perkara dalam ekonomi Islam arus perdana adalah kesatuan ketidak-terhadan kehendak manusia. Iniiian berasal dari falsafah ekonomi lazim yang percaya kepada kesimpulan bahawa kehendak manusia tidak terbatas. Andaian ini didakwa diambil oleh ahli ekonomi Islam arus perdana lalu diolah dengan elemen-elemen Islam agar ia dapat dipanggil sebagai pengandaian dalam ekonomi Islam. Andaian ini jarang dikaji oleh sarjana Islam berbanding dengan keterhadan sumber alam. Sekalipun ketidak-terhadan kehendak manusia jarang dikaji, namun ia sudah lama dibincangkan oleh sarjana ekonomi Islam namun tidak ada resolusi muktamad yangian sesuai dengan tasawur Islam. Akhirnya, perbincangan ini ditinggalkan begitu sahaja. Melihat kepada senario ini, apakah ini pengertian masih sesuai untuk digunakan dalam ekonomi Islam? Adakah ia selari dengan tasawur Islam? Sckiiin tidak, bagaimana pula dengan yang sesuai dengan tasawur Islam untuk digunakan dalam ekonomi Islam? Bertitik tolak dari sinilah, penyelidik merasakan sangat mustahil ketidakselesaian kehendak manusia dilaksanakan dalam kajian ini. Untuk melihat kehebatan kehendak manusia yang bersesuaian dengan tasawur Islam ini, tiga objektif kajian diutarakan. Pertama, mengenal pasti wacana tentang nafsu (kehendak) menurut tasawur Islam. Kedua, menganalisis ketidak-terbatasan kehendak manusia yang digunakan dalam ekonomi Islam arus perdana berdasarkan tasawur Islam. Ketiga, merumuskan andaian ketidak-terhadan kehendak manusia yang sesuai dalam ekonomi Islam. Ketiga-tiga objektif ini dicapai melalui kajian kualitatif dalam bentuk pengokaaan dan deskriptif dengan menggunakan kandungan analisis dan perbandingan kaedah. Analisis yang menggunakan perisian ATLAS.ti versi 7.1.8 dilakukan untuk mengenal pasti, mengumpul, membuat tema dan menganalisis data-data yang berkaitan dengan nafsu dan kesian ketidakhadiran manusia kehendak. Analisis data ini membawa kepada empat kesimpulan. Pertama, manusia yang memiliki iman lemah akan memiliki kehendak yang tidak terbatas dan sebaliknya. Kedua, semakin baik nafsu dan tahap tinggi nafsu, semakin rendah dan sederhana tahap kegunaan. Ketiga, Islam menerima keperluan dan kehendak manusia yang bertaraf dari mulai darüriyyät (keperluan asasi) sehinggalah kepada tahsiniyar (kehendak kemewahan) kecuali penggunaan barang dan jasa mewah yang melampaui batas. Keempat, sumber alam yang diciptakan oleh Allah SWT untuk kegunaan manusia amat luas dan tidak terhad, tetapi ia tidak boleh digunakan dengan melampaui batas. Analisis terhadap penemuan ini telah membawa kepada rumusan bahawa kehendak sering mempengaruhi manusia agar dapat dikehendak dengan cara yang tidak terhad, namun ia tidaklah tidak terhad secara mutlak. Bahkan kehendak dapat dikawal berdasarkan keimanan kepada Allah SWT yang diterbitkan melalui hubungan manusia dengan dirinya sendiri, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam sekitar. Rumusan ini memberikan implikasi dari sudut pemahaman tentang kehendak kehendak manusia dalam ekonomi Islam yang sebenarnya dapat dikawal menurut tasawur Islam.

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Asas-Asas Hisbat Dalam Kitab Al-Hisbat FI Al-islam: Kajian di Majlis Perbandaran Kota Bahru Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Kelantan	Azrin Ibrahim	2015	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni Ahmad	BP173.25.R043.AZ997 2015	<p>Hisbat merupakan satu disiplin ilmu yang sangat penting dalam Islam. Penseyariatannya adalah berteraskan seruan al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy an al- munkar. Penghasilan kajian dan karya hisbat dilihat sentiasa berkembang dan banyak dilakukan. Hal ini menunjukkan bisbat merupakan satu disiplin ilmu yang penting dan mendapat perhatian dalam kalangan ilmuwan Islam. Tetapi, apakah sebenarnya yang menjadi asas-asas hisbat terutamanya menurut Ibn Taymiyyat menerusi kitabnya al-Hisbat fi al-Islām? Mengapakah ia enting untuk diamalkan? Di Malaysia, banyak institusi yang berperanan untuk menegakkan perkara-perkara ma'ruf dan memantau aktiviti masyarakat supaya tidak melakukan kemungkaran yang mencakupi pelbagai aspek dan bidang. Dalam aspek perbandaran misalnya, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Kelantan berfungsi untuk memainkan peranan tersebut. Unikny, kelihatan MPKB-BRI ini mempunyai kekuatan dan kelainan yang tersendiri berbanding Majlis Perbandaran di negeri-negeri lain. MPKB-BRI memainkan peranan yang besar dalam mengawal hal chwal perbandaran dan mengajak masyarakat ke arah kebaikan di samping menjadi tulang belakang dalam mendukung matlamat bandar Kota Bharu yang diisytiharkan sebagai Bandar Raya Islam dengan slogan "Membangun Bersama Islam". Oleh yang demikian, timbul persoalan. Apakah asas-asas al-amr bi al-ma'rif wa al-nahy 'an al-munkar yang dilakukan di MPKB-BRI? Kajian ini cuba menjawab persoalan ini melalui tiga objektif. Pertama, mengenal pasti asas-asas hisbat dalam kitab al-Hisbat fi al-Islam; kedua, mengenal pasti dan menganalisis asas-asas hisbat di MPKB-BRI berdasarkan kitab al-Hisbat fi al-Islam; dan ketiga, merumuskan asas-asas bisbat di MPKB-BRI berdasarkan kitab al-Hisbat fi al-Islam. Kesemua objcktif ini dicapai menerusi kaedah pengumpulan data sekunder, data sumber utama dan data primer. Kesemua data ini pula dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan daripada analisis ini membawa kepada rumusan bahawa terdapat beberapa perkara yang menjadi asas-asas hisbat dalam kitab al-Hisbat fi al-Islam. Akhimya, kajian ini mencadangkan perlunya lebih pemahaman, penghayatan dan pengamalan hisbat yang bersifat holistik, efisien dan bersepadu agar matlamat hakiki hisbat dapat dicapai dan permasalahan yang wujud khususnya di MPKB-BRI dan umumnya di institusi-institusi pembangunan lain dapat diminimumkan.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
2	Kriteria-Kriteria Periklanan dari Perspektif Islam: Analisis Persepsi Pengguna Institusi Perbankan Syariah di Band Aceh	Teuku Meldi Kesuma	2015	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	HG1501.R044 .M518 2015	<p>Pengiklanan adalah satu komponen penting dalam pemasaran kerana ia menyampaikan maklumat dan pilihan kepada pengguna dalam UEJESSES mempromosikan jualan produk dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kebanyakan iklan di negara-negara Islam diasaskan pada reka bentuk dan paradigma Barat yang tidak mematuhi nilai-nilai Islam. Oleh itu, sementara yang bereadang untuk menggalakkan periklanan Islam atau produk yang patuh syari'ah seperti Institusi Perbankan Syariah (IPS) iklan telah menggalakkan keruntuhan moral dikalangan umat Islam. Isu ini bolch diselesaikan dengan menggunakan Periklanan Perspektif Islam (PPI). Oleh itu, objektif kajian ini ialah a) mengenal pasti prinsip PPI; b) menganalisis dan membentuk kriteria-kriteria PPI; c) menganalisis persepsi pengguna IPS di Banda Aceh, Indonesia terhadap kriteria-kriteria PPI, dan d) merumuskan arah dan kekuatan hubungan antara kriteria-kriteria PPI dengan persepsi pengguna IPS di Banda Aceh, Indonesia. Kajian ini dibahagi kepada dua fasa iaitu bersifat teoretikal dan empirikal. Konsep PPI dalam pandangan Islam diamalkan dalam bentuk tiga tanggungjawab iaitu hubungan tanggungjawab kepada Allah SWT, manusia dan alam sekitar. Tiga bentuk tanggungjawab ini ditunjang oleh prinsip-prinsip PPI asas iaitu tauhid, akhlak, penciptaan masalah keadilan. Dapatan hasil kajian menunjukkan walaupun Ayat al-Qur'an dan Hadith tidak langsung menjelaskan tentang periklanan tetapi kriteria-kriteria PPI boleh dibentuk daripada komunikasi Islam, komunikasi dakwah dalam Islam dan konsep pemasaran yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sebagai seorang peniaga. Empat pertama tersebut adalah kriteria penampilan visual, suara dan bahasa, mesej iklan dan kriteria bertanggungjawab. Daripada empat prinsip tersebut, dibentuk empat kriteria, 22 dimensi dan 62 item sebagai instrumen bagi mendapatkan ukuran pelaksanaan PPI yang ideal. Fasa kedua kajian ini melibatkan 450 responden pengguna IPS di Banda Aceh sebagai sampel kajian. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, analisis faktor dan ANOVA. Dari rumusan awal empat kriteria, 22 dimensi dan 62 item, hanya 21 item saja yang boleh dijadikan ukuran untuk mengukur PPI dengan 14 dimensi dan tiga kriteria utama yang mengikutinya. Tiga kriteria menjadi kriteria utama dalam PPI iaitu kriteria penampilan visual (18.69 %), kriteria mesej iklan (8.29 %) dan kriteria bertanggungjawab (5.73 %). Persepsi terhadap kriteria berada pada tahap yang positif dan tinggi serta tidak terdapat perbezaan signifikan bagi persepsi dan faktor demografi. Penemuan ini menyokong penggunaan PPI dan penggunaan yang lebih utama terhadap kriteria penampilan visual.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
3	Kaedah Naqad Al-Hadith Sebagai Kaedah Penentu Kesahan Data Bagi Penyelidikan Berkaitan Islam (The Naqd Al-Hadith Method As The Method To Validate Data For Research Related to Islam)	Nor Hanani Ismail	2015	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	HA29.R045.H233 2015	<p>Kaedah penentu kesahan data yang selari dengan tasawur dan epistemologi Islam amat diperlukan terutamanya dalam penyelidikan yang berkaitan dengan Islam. Kaedah penentu kesahan data tersebut mesti mampu menentukan kesahan data dan berupaya membezakan antara data yang sah dengan data yang tidak sah mengikut kaca mata Islam. Kaedah naqd Hadith merupakan kaedah yang digunakan oleh ulama Hadith untuk membezakan antara Hadith yang diterima dengan Hadith yang ditolak. Berdasarkan keupayaan kaedah ini, ia dilihat boleh digunakan untuk membezakan data yang mempunyai kesahan atau sebaliknya. Persoalannya, apakah kaedah-kaedah naqd Hadith yang boleh diguna pakai sebagai kaedah penentu kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam dan hal ehwal orang Islam? Bagaimanakah aspek-aspek dan elemen-elemen kekuatan yang terdapat pada kaedah naqd Hadith berupaya menentukan kesahan data? Bagaimanakah penggunaan kaedah naqd Hadith dalam konteks kaedah penentu kesahan data khususnya bagi penyelidikan berkaitan Islam? Tesis ini cuba menjawab persoalan-persoalan ini dengan meneliti kaedah naqd Hadith dan elemen-elemen yang bersangkutan paut dengannya dalam konteks kaedah penentu kesahan data khususnya bagi penyelidikan berkaitan Islam. Secara lebih khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti kaedah naqd Hadith. Kedua, menganalisis kesesuaian kaedah naqd Hadith sebagai kaedah penentu kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam. Ketiga, merumuskan kaedah naqd Hadith sebagai kaedah penentu kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam. Kesemua objektif ini dicapai menerusi kajian kualitatif berbentuk penerokaan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan bagi memperoleh data sekunder berkaitan kaedah naqd Hadith dan elemen-elemen yang berkaitan naqd Hadith. Kesemua data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan bagi memperoleh data-data yang tersurat berkaitan naqd Hadith. Kemudian data-data berkaitan naqd Hadith itu dianalisis secara tersirat iaitu dalam konteks kesahan data dengan menggunakan kaedah analisis tekstual. Kajian ini mendapati lima syarat kesahihan Hadith, lapan kaedah naqd Hadith dan terdapat 22 bentuk aplikasi kaedah naqd Hadith yang dibincangkan dan diaplikasikan oleh para ulama. Kaedah naqd Hadith dilihat mempunyai persamaan dengan kaedah yang dinyatakan dalam al-Qur'an dan Hadith bagi menentukan kebenaran maklumat atau ilmu. Kajian ini juga menemui 17 indikator kesahan data yang berasaskan lima syarat kesahihan Hadith. 23 kaedah penentu kesahan data juga diperoleh berasaskan kaedah naqd Hadith dan enam bentuk aplikasi kaedah penentu kesahan data yang berasaskan bentuk aplikasi kaedah naqd Hadith. Penemuan-penemuan ini dapat memberikan panduan kepada para penyelidik dalam mendapatkan data yang sah atau memastikan kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
4	Perancangan Pembangunan Kota Medan: Suatu Kajian dari Perspektif Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam	Kasyful Mahali	2015	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	HT165.5.R046.K19 2015	<p>ABSTRAK Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RPJM) Kota Medan tahun 2006- 2010 merupakan huraian daripada visi, misi dan program Datuk dipilih dalam pemilihan. Dalam RPJM Kota Medan terdapat pembangunan visi yang memiliki makna dan nilai Islam. Persoalannya, bukan Islami atau tidaknya RPJM, tetapi ditumpukan pada penganalisisan apakah RPJM dokumen itu benar atau tidaknya dilihat dari perspektif pembangunan dasar yang didasarkan pada Islam. Berdasarkan persoalan tersebut, tesis ini berhasrat untuk menganalisis pembangunan perancangan Kota Medan dari perspektif pembangunan asas yang berasaskan Islam. Kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, kenal pasti RPJM Kota Medan. Kedua, menganalisis RPJM Kota Medan dari perspektif pembangunan asas yang berasaskan Islam. Ketiga, mencadangkan pembangunan perumahan Kota Medan yang berasaskan Islam. Ketiga-tiga objektif ini ditemui melalui kajian kualitatif yang bersifat deskriptif dengan menggunakan kandungan analisis kaedah. Analisis RPJM Kota Medan dilakukan dengan menggunakan tujuh prinsip pembangunan yang berasaskan Islam yang terdiri dari tasawwur Islam sebagai rujukan, manusia sebagai pelaku, alam roh, alam dunia dan alam akirat sebagai skala waktu, ilmu fardu ain sebagai kerangka, ibadah sebagai cara, sumber alam sebagai peralatan dan mardat Allah sebagai matlamat pembangunan. Kajian ini telah menghasilkan tiga aspek penting dalam perancangan pembangunan berasaskan Islam. Pertama, aspek perancang; kedua, aspek perancangan; dan ketiga, rancangan. Pada aspek perancang terdapat tiga prinsip pembangunan yang berasaskan Islam iaitu manusia sebagai pelaku, ibadah sebagai cara dan ilmu fardu ain sebagai kerangka perancang. Aspek perancang mempunyai ciri-ciri yang terdiri dari iman dan takwa, kebenaran dan menjunjung tinggi keadilan, amanah, tawakal, bermusyawarah dan berilmu. Aspek perancangan memuat tiga asas pembangunan Islam yang terdiri daripada tasawwur Islam sebagai rujukan, sumber alam sebagai alat dan mardat Allah sebagai tujuan perancangan. Pada aspek perancangan diperlukan kriteria musyawarah dan keutamaan. Aspek rancangan pembangunan memuat prinsip alam roh, alam dunia dan alam akhirat sebagai skala waktu rancangan. Pada aspek rancangan ini terdapat dua kriteria yang harus dipenuhi yaitu munasabah dan kemaslahatan. Analisis terhadap penemuan ini telah membawa kepada rumusan bahawa ketiga-tiga aspek perancangan pembangunan itu sangat bergantung kepada kesepakatan politik dan peranan kepemimpinan yang kuat.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
5	A Conceptual Analysis of Islamic- Based Developmen t Actor	Shereeza Mohamed Saniff	2015	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhamma d Syukri Salleh	BP160.R047. SH551 2015	<p>Development is a multi-dimensional concept encompassing all aspects of human life. For man to successfully and effectively carry out development and meet the development objectives, man needs to understand the development paradigm he is in. The same is true for man as the carrier of Islamic-based development (or IbD) which starts with IbD Actor. The fundamental understanding by IbD Actor on what IbD entails is principally important. With IbD and dominant conventional development being poles apart and having antagonistic characteristics, how can IbD Actor discern the differences? The ability to discern these differences requires some definitive attributes and essential traits imbued within the IbD Actor. So, what are these definitive attributes and essential traits? What are the constituents required of IbD Actor? These are some of the pertinent issues raised in this study which has prompted conceptualization of the IbD Actor carried out through three objectives. First to identify the IbD Actor from the first main absolute primary source of Islam. Second to analyse the concept of IbD Actor from the IbD perspective. Third is to conceptualize IbD Actor within a dominant conventional development. All these objectives were achieved using qualitative and exploratory research design with characteristics of a descriptive study. Data collated are from two categories involving two tiers in each category. The first category data refers to the primary sources while the second category data refers to secondary source and secondary data. All data are obtained by way of library research Data is analysed accordingly based on content analysis, textual analysis and conceptual analysis. The results of this study showed that there are five main terms with three ancillary terms from al-Qur 'an that could be used to derive the attributes and traits of IbD Actor. This provides the template to identify three constituents of IbD Actor interlinked and dependable on one another with two major aspects. First, 12 distinct characteristics of IbD Actor. Second, socially consequential deeply rooted with concept of time. Third, explicit usage of tools to ensure unchangeability of any of the constituents leading to a clarity of purpose of the IbD Actor in pursuing IbD. Two major aspects on dimensional relationships and three regular specific activities are the cementing elements binding all three constituents together. With these constituents firmly imbued within IbD Actor, the ability to withstand the conflicting antagonistic values embedded with the dominant conventional development is within the control of IbD Actor.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
6	Penilaian Prestasi Maklum Balas 360 Darjah: Satu kajian Teoritis Darpada Perspektif Islam	Ab Aziz Yusoff	2015	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Fadzila Azni Ahmad	LC321.R061. AZ995 2015	<p>Penilaian Prestasi (PP) merupakan fungsi Pengurusan Sumber Manusia (PSM) yang penting kepada pengurusan organisasi. PP berkait rapat dengan pengagihan ganjaran, Inluan kerjaya, latihan dan pembangunan serta reputasi dan masa depan pekerja. Sungguhpun begitu, pelaksanaannya terdedah kepada ketidaktepatan berpunca daripada kesilapan manusia schingga menimbulkan pelbagai isu psikososial dalam kalangan anggota organisasi. Bagi berhadapan dengan masalah ini, pelbagai kaedah telah diperkenalkan antaranya Penilaian Prestasi Maklum Balas 360 Darjah (PP MB 360 Darjah). Bertolak daripada isu tersebut, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka permasalahan yang dihadapi oleh PP MB 360 Darjah dan seterusnya melihat kaedah ini dari perspektif Islam. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengemukakan pendekatan Penilaian Prestasi Islam (PPI) sebagai gantian kepada pendekatan PP lazim secaru umumnya. Memandangkan kajian seperti ini belum pernah dilaksanakan, maka kaedah kajian berbentuk penerokaan dipilih dengan menggunakan sumber sekunder yang terdapat di perpustakaan dan internet. Penemuan kajian mendapati, punca utama kepada permasalahan PP tradisi adalah kerana pelaksanaannya berasaskan kepada satu sumber iaitu pengurus menilai prestasi kerja pekerja. Pendekatan ini telah terdedah kepada ketidaktepatan sehingga berlakunya konflik, ketidakpuasan kerja, menghakiskan dorongan kerja, tekanan dan ketandusan upaya. Menyedari pelbagai kelemahan yang berlaku kacdah PP MB 360 Darjah telah diperkenalkan. Penemuan kajian turut mendapati pelaksanaan PP MB 360 Darjah juga terdedah kepada berlakunya ketidaktepatan. Faktor ini telah mendorong kepada berlakunya pilih kasih, taksab kepada kumpulan, prejudis, terlalu murah hati, terlalu tegas, kesan halo dan perbuatan mengampu. Kajian juga mendapati bahawa terdapatnya persamaan masalah yang berlaku antara PP tradisi dengan PP MB 360 Darjah iaitu berpunca daripada kesilapan manusia. Keadaan ini menyebabkan PP MB 360 Darjah gagal untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi. Lanjutan daripada sini, pengkaji mengemukakan PP MB 360 Darjah berteraskan Islam dan PPI secara keseluruhannya sebagai jawapan kepada permasalahan yang dihadapi oleh PP lazim. Kajian mendapati ajaran Islam yang mengakui kekuatan pemikiran manusia adalah terbatas harus digerak secara seimbang dan dididik secara berterusan dengan merealisasikan tuntutan Islam. Dengan memenuhi tuntutan ini akan membolehkan pengurus yang berperanan sebagai penilai mahupun pekerja yang dinilai untuk bertindak selari dengan ajaran Islam semasa pelaksanaan PP.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
7	Mikro Kredit daripada Dana Zakat di Baitul Mal Aceh dan Potensi Perlaksaannya di Institusi-Zakat di Malaysia	Nurul Ilyana binti Muhd Adnan	2015	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Zahri Hamat	BP174.R076.L29 2015	<p>Bantuan modal dalam bentuk mikro kredit yang ditawarkan di Malaysia ketika ini dikatakan tidak bebas daripada unsur - unsur riba . Bantuan modal secara percuma daripada dana zakat kepada usahawan _ asnaf pula sering mengalami kegagalan . Dengan hal demikian , satu mekanisme bantuan modal dalam bentuk mikro kredit yang bebas riba sepatutnya diwujudkan . Persoalannya , apakah mekanisme secara mikro kredit tersebut boleh dibiayai daripada dana zakat ? Sekiranya dana zakat boleh digunakan untuk membiayai mikro kredit , bagaimanakah mekanisme mikro kredit itu boleh direalisasikan ? Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis hukum serta bentuk bantuan modal perniagaan secara mikro kredit yang telah dibiayai daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh dan potensi pelaksanaannya di institusi zakat di Malaysia . Data sekunder dan primer digunakan untuk tujuan analisis tersebut . Data sekunder diperoleh daripada tulisan terdahulu , manakala data primer diperoleh daripada kajian lapangan , Kajian lapangan dilakukan melalui temu bual mendalam dengan menggunakan pensampelan bertujuan . Analisis dibuat menggunakan kaedah analisis kandungan , Kajian ini _ mempamerkan tiga dapatan , Dapatan pertama mempamerkan terdapat empat asas yang diguna pakai di Baitul Mal Aceh . Pertama , hujah berdasarkan pemahaman Al - Quran dan Hadis secara lughawi atau illah . Kedua , hujah berdasarkan perbezaan pendapat ulama terhadap huruf lam li tamlik . Ketiga , hujah berdasarkan kriteria masalah . Keempat , hujah berdasarkan falsafah zakat itu sendiri , Dapatan kedua mempamerkan mekanisme bantuan modal di Baitul Mal Aceh adalah qard al - hasan bagi sektor pertanian , perdagangan dan perkhidmatan , Dapatan ketiga pula mempamerkan agihan zakat dalam bentuk bantuan modal berpotensi dilaksanakan di Malaysia , Namun , perlu ada mekanisme yang betul dan pemantauan daripada pihak institusi zakat , Dapatan kajian ini memberi tiga implikasi utama . Pertama , para mustahiq berpeluang mengamalkan pinjaman mikro kredit yang bebas daripada riba . Kedua , institusi - institusi zakat dapat mempelbagaikan kaedah agihan zakat seterusnya dapat menjana ekonomi asnaf ke arah yang lebih baik . Ketiga , satu usaha jitu perlu digerakkan dengan lebih agresif agar mikro kredit daripada dana zakat dapat dilaksanakan di seluruh Malaysia</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
8	Konsep Niat Dalam Tingkah Laku Berteraskan Islam Dan Faktor-Faktor Mempengaruhi Niat Untuk Berwakaf Tunai Dalam Kalangan Staf Muslim Universiti Sains Malaysia (USM)	Mohammad Zulfakhairi Bin Mokhtar	2015	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	BP174.R048.Z94 2015	<p>Konsep niat dalam tingkah laku telah digunakan dengan meluas dalam pengkajian berkaitan gelagat pengguna. Walau pun begitu, konsep ini diasaskan menggunakan teori lazim yang mengabaikan batasan syarak dalam memenuhi sesuatu kehendak. Oleh itu, perlu diwujudkan suatu konsep baru niat dalam tingkah laku berteraskan Islam terutamanya dalam mengkaji gelagat pengguna Muslim terhadap produk dan perkhidmatan Islam. Wakaf tunai telah bermula di Pulau Pinang pada tahun 1994 dengan menawarkan skim-skim yang pelbagai yang sepatutnya mampu menarik perhatian masyarakat Muslim di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, keadaan yang sebaliknya berlaku apabila jumlah kutipan dana wakaf tunai oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menunjukkan jumlah yang tidak konsisten sepanjang tahun iaitu tinggi dan rendah mengikut tahun yang berbeza. Walaupun usaha-usaha promosi telah dilakukan oleh MAINPP namun kesan positif daripada promosi tersebut hanya kekal dalam suatu tempoh masa yang singkat sahaja. Persoalannya mengapakah promosi dan perkhidmatan yang diberikan oleh MAINPP gagal mendorong masyarakat Muslim Pulau Pinang untuk berwakaf tunai? Adakah kerana terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi masyarakat untuk berwakaf tunai? Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat untuk berwakaf tunai dalam kalangan staf Muslim USM sebagai petunjuk awal untuk mengenal pasti perkara-perkara yang boleh mendorong seseorang untuk berwakaf tunai. Objektif pertama kajian ini akan mengenal pasti konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam. Objektif kedua pula akan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi niat untuk berwakaf tunai dalam kalangan staf Muslim USM berdasarkan konsep yang dibina dan objektif ketiga merumuskan faktor-faktor mempengaruhi niat untuk berwakaf tunai dalam kalangan staf Muslim USM. Data diperolehi daripada 323 orang responden dan dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferens. Terdapat lima penemuan utama kajian, iaitu pertama konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam. Kedua, Persepsi staf Muslim USM terhadap faktor-faktor mempengaruhi niat untuk berwakaf tunai adalah positif. Ketiga, analisis perbezaan menunjukkan terdapat perbezaan dalam persepsi mengikut umur, jawatan dan pendapatan. Keempat, analisis regresi mendapati faktor kepatuhan agama, faktor intrinsik dan ekstrinsik mempengaruhi niat untuk berwakaf tunai. Kelima analisis regresi mengikut dimensi menunjukkan dimensi kefahaman, murah hati, penyampaian perkhidmatan dan pengesyoran mempengaruhi niat untuk berwakaf tunai. Secara keseluruhan dapatan kajian ini mampu dijadikan panduan oleh pihak pengurusan wakaf untuk merencanak aktiviti pembangunan wakaf tunai juga secara tidak langsung menyumbang dalam aspek kajian gelagat pengguna Islam melalui konsep niat dalam tingkah laku berteraskan Islam.</p>

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN PADA TAHUN 2014

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Aplikasi Kaedah Penakulan Mantik Dalam Penyelidikan Berteraskan Islam	Shahir Akram Hassan	2014	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	LB5.R059. SY981 2014	<p>Menurut tasawur dan epistemologi Islam, umat Islam wajib beriman kepada perkara perkara yang zahir dan ghaib. Persoalannya, dalam menjalankan penyelidikan berkaitan Islam, kaedah penaakulan apakah yang digunakan untuk menanggapi perkara-perkara zahir dan ghaib ini? Penaakulan di sini bermaksud peralihan pemikiran melalui beberapa pernyataan yang diandai benar schinggalah terbentuk satu pernyataan. Berdasarkan persoalan tersebut, tesis ini bertujuan untuk meneliti kaedah penaakulan mantik untuk diaplikasi dalam penyelidikan berkaitan Islam. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. Kedua, menganalisis aplikasi penggunaan kaedah penaakulan mantik sebagai kacdah penaakulan dalam penyelidikan berkaitan Islam Ketiga, merumuskan kacdah penaakulan mantik untuk diaplikasikan dalam penyelidikan berkaitan Islam. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, kajian kualitatif ini mengguna pakai kaedah perpustakaan bagi memperoleh data sekunder berhubung kaedah penaakulan mantik menerusi penelitian terhadap karya-karya ilmu mantik. Kemudian, kaedah penaakulan mantik dianalisis sebagai kaedah penaakulan dalam penyelidikan berkaitan Islam menggunakan analisis tekstual dan kaedah perbezaan. Kajian ini mendapati sekurang-kurangnya terdapat lapan kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. Lapan kacdah tersebut ialah pertama, kaedah pengenalan ilmu. Kedua, tiga peringkat kaedah penaakulan. Ketiga, kaedah menggambarkan sesuatu melalui 'alfaz, mafāhum dan masadaq. Keempat, kaedah mendapatkan gambaran menyeluruh melalui nisbah. Kelima, kaedah pendefinisian menurut ilmu mantik. Keenam, kaedah membina kenyataan dan proposisi yang benar melalui taşdiq. Ketujuh, kaedah menilai kenyataan dan proposisi yang benar atau salah melalui taqabal dan 'akas. Kelapan, kacdah yaqin, zann, shakk dan bāṭil sebagai kaedah mengukur dalam penyelidikan dan ilmu Islam. Daripada lapan kaedah tersebut, kajian ini mendapati lima boleh diaplikasi secara langsung dan tiga secara tidak langsung. Lima kaedah tersebut ialah, pertama, kaedah menggambarkan sesuatu melalui 'alfaz, mafahum dan maşadaq. Kedua, kaedah mendapatkan gambaran menyeluruh melalui nisbah. Ketiga, kaedah pendefinisian menurut ilmu mantik. Keempat, kaedah membina kenyataan dan proposisi yang benar melalui taşdiq. Kelima, kaedah menilai kenyataan dan proposisi yang benar atau salah melalui taqābal dan 'akas. Tiga kaedah yang diaplikasi secara tidak langsung pula ialah, pertama, kaedah pengenalan ilmu. Kedua, tiga peringkat kaedah penaakulan dan ketiga, kaedah yaqin, zann, shakk dan batil sebagai kaedah mengukur dalam penyelidikan dan ilmu Islam. Kedua-dua bentuk aplikasi ini meliputi dua aspek iaitu pertama, aspek tasawur dan epistemologi; dan kedua, aspek teknikal. Hasil aplikasi kaedah penaakulan mantik dalam penyclidikan berkaitan Islam dicadangkan digunakan sebagai salah satu kaedah menaakul dalam pembinaan kaedah penyelidikan Islam supaya seterusnya, kaedah penyelidikan Islam ini dapat digunakan dalam menjalankan penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
2	Perakaunan Zakat Saham di Malaysia: Asas dan Kaedah Amalan	Wan Anisah Endut	2014	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Zahri Hamat	BP176.R0 50.AN599 2014	<p>Keterbukaan ijtihad pada masa kini membolehkan sumber harta baharu seperti saham dikenakan zakat. Malah, saham dilihat berpotensi sebagai sumber kutipan zakat yang penting. Namun, di sebalik keghairahan meningkatkan kutipan zakat ke atas sumber harta baharu ini, perbincangan tentang penentuan kaedah perakaunan zakatnya masih berterusan. Implikasinya, wujud pelbagai pandangan dalam kalangan cendekiawan mengenai kaedah perakaunan zakat tersebut. Persoalannya, mengapakah cendekiawan berbeza pandangan? Apakah elemen-elemen menjadi asas dalam pembentukan kaedah perakaunan zakat saham? Bagaimanakah amalan perakaunan zakat saham di Malaysia? Dengan itu, kajian ini bertujuan menilai asas-asas dan amalan perakaunan zakat saham di institusi-institusi zakat di Malaysia. Penelitian dilakukan terhadap asas-asas yang digunakan dalam pembentukan kaedah perakaunan dan menganalisis amalan perakaunan zakat saham di setiap institusi zakat di Malaysia. Dengan itu, penelitian ke atas data sekunder dan kajian lapangan telah dilakukan. Kajian lapangan dilakukan melalui temu bual dan borang soal selidik dengan menggunakan pensampelan bertujuan. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis kandungan. Dapatan kajian ini mempamerkan sumber rujukan yang menjadi asas kepada pembentukan perakaunan saham adalah berbeza-beza antara negeri di Malaysia. Perbezaan ini secara tidak langsung membawa kepada kepelbagaian dalam amalan perakaunan zakat saham di Malaysia. Kepelbagaian ini menimbulkan implikasi yang negatif kepada pelbagai pihak. Justeru, satu kaedah alternatif perakaunan zakat saham yang seragam perlu dibentuk untuk diamalkan di semua institusi zakat di Malaysia. Para responden berpandangan bahawa kaedah perakaunan zakat saham dibentuk melalui aplikasi qiyas. Majoriti responden menggiatkan saham kepada sumber harta yang dinaskan secara qat'. Kaedah perakaunan zakat saham pula dibahagikan kepada dua kategori iaitu perakaunan zakat bagi saham yang diurusniagakan dan saham yang tidak diurusniagakan. Kerangka perakaunan zakat saham pula adalah sebagaimana yang dibentuk oleh Rasulullah SAW. Dapatan kajian ini setidaknya-tidaknya memberikan dua implikasi utama, Pertama, institusi-institusi zakat perlu membuat penilaian semula tentang amalan perakaunan zakat saham di negeri masing-masing agar kaedah perakaunan zakat saham di institusi-institusi zakat di Malaysia dapat diselaraskan. Kedua, satu usaha jitu perlu digerakkan dengan lebih agresif agar kaedah perakaunan zakat saham diseragamkan di semua institusi zakat di Malaysia.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
3	Financing Risk and Liquidity Risk Underlying Debt Financing Modes adn economic Crisis Condition: An Empirical Analysis of Islamic Bank in Malaysia	Mohamad Helmi Hidthiir	2014	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari	HG178.R051.H479 2014	Debt financing has dominated the financing facility of the Islamic banks in Malaysia over the last two decades. Applying this type of financing indicates that Islamic banks in Malaysia will also become vulnerable to economic conditions such as the economic crisis caused by the contagion effects, outright replication of the conventional banking model and overconcentration on a particular type of financing such as residential property financing and other long-term financing. Moreover, debt financing modes are also exposed to the problem of Islamic bank's moral hazard and asymmetric information which resulted in financing risk and liquidity risk. Furthermore, the magnitude of the Islamic banks' exposure to financing risk and liquidity risk is still unknown since this issue has only been discussed theoretically in previous studies. Based on these problems, there are three objectives of this study. First, to analyse the impact of economic condition by focusing on the effect of the recent global financial crisis 2007-2008. Second, to analyse the relationship between financing risk, liquidity risk and their determinants as well as the persistence of the Islamic banks' financing risk and liquidity risk. Finally, to identify whether financing risk or liquidity risk show a larger risk exposure. Unbalanced panel data are used in the study from 1998-2012 for 18 Islamic banks in Malaysia. This study applies panel regression and dynamic panel data regression models. The test for the impact of economic condition is parametric analysis and the results show that the Islamic banks are not vulnerable to changes in economic conditions or are affected by the global financial crisis. Based on dynamic panel data regression analysis, there is a persistence of financing and liquidity risk. Overall, the result shows that the Islamic banks in Malaysia are more exposed to financing risk than liquidity risk. This implies that when their financings are more concentrated in debt financing, the banks are able to control their liquidity risk and must be more wary of financing risk. These findings have provided significant contributions to the field of risk management of Islamic banks in Malaysia in terms of empirical studies. In other words, the results in this research offer some insight on the effects contributed by the determinants of financing risk and liquidity risk. The policy makers and Islamic banks managers should take proactive decisions to improve the existing Islamic banking policy in order to suit the Malaysian Islamic Industry.

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
4	Asas-Asas Pengurusan Kemiskinan Era pemerintahan Khalifah Umar Bin Abdul Aziz	Radieah Mohd Nor	2014	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	BP50.R05 2.R129 2014	<p>Kemiskinan menjadi agenda utama yang diberi penekanan oleh seluruh negara di dunia. Namun begitu, agenda ini seolah-olah tiada penghujungnya. Kemiskinan tetap berlaku di mana-mana negara. Walau bagaimanapun, berdasarkan catatan sejarah semasa era pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, golongan faqir dan miskin mendapat pembelaan. Situasi ini membuatkan tiga objektif digariskan dalam kajian ini. Tiga objektif tersebut pertama, mengenal pasti kaedah pengurusan kemiskinan masa kini. Kedua, meneliti asas-asas pengurusan kemiskinan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Ketiga, merumuskan asas-asas pengurusan kemiskinan masa kini berteraskan kepada kaedah pengurusan kemiskinan Islam yang dilakukan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Kajian ini bersifat kajian penerokaan yang menguna pakai kajian perpustakaan sebagai kaedah untuk memperoleh data. Data tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan analisis tekstual. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, golongan faqir yang dimaksudkan dalam manuskrip-manuskrip berkaitannya bermaksud golongan miskin mutlak. Catatan menunjukkan golongan miskin mutlak pada zaman tersebut tidak ditemui. Golongan miskin pula adalah golongan miskin relatif. Golongan ini didapati masih wujud tersebut tetapi kewujudan mercka tidak mengganggu-gugat keamanan dan kemakmuran negara. Kejayaan pengurusan kemiskinan yang telah dilakukan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz berasaskan dua perkara utama iaitu keperibadian dan pengurusan pentadbiran yang baik. Asas keperibadian terbahagi kepada dua iaitu keimanan dan kepimpinan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Asas pengurusan pentadbiran pula terbahagi kepada tiga iaitu struktur pengorganisasian, pengurusan baitulmal dan dakwah dalam pentadbiran Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Kesemua asas utama tersebut secara langsung mahupun tidak langsung telah memberikan kejayaan terhadap pengurusan kemiskinan pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz Berdasarkan kajian ini juga terdapat tiga implikasi dasar penting iaitu implikasi terhadap agensi perancang dan pelaksana, implikasi terhadap golongan miskin dan implikasi terhadap masyarakat secara keseluruhan.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
5	Tahaluf Siyasi Dalam Ekonomi Politik Islam: Satu Kajian Teoritis	Mohd Syakir Mohd Rosdi	2014	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	JC49.R053 .SY981 2014	<p>Dalam politik Islam, lazimnya tahaluf siyasi dijadikan sebagai salah satu kaedah perjanjian. Tahaluf styasi di sini bermaksud perjanjian persefahaman untuk bekerjasama dan bantu-membantu bagi mencapai sesuatu objektif. Dalam lingkungan ilmuwan akademik dan ilmuwan politik, takaluf siyasi dibincangkan dalam aspek pemerintahan dan aspek politik kepartian. Perbincangan ini telah membentuk suatu sudut pandang bahawa tahaluf siyasi hanya bolch digunakan dalam politik pemerintahan semata-mata. Namun, benarkah kenyataan ini? Berdasarkan persoalan inilah maka kajian ini dilakukan. Kajian ini berhasrat menganalisis sama ada tahaluf siyasi hanya boleh digunakan dalam politik pemerintahan atau pun terbuka kepada pelaksanaan lain, khususnya pelaksanaan tahaluf siyasi dalam ckonomi politik Islam. Ekonomi politik Islam di sini bermaksud menganalisis interaksi antara ekonomi dan politik agar berlaku peningkatan kemakmuran dan kestabilan negara dan ummah 1slam. Untuk mencapai hasrat ini, kajian ini menumpukan kepada tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep tahaluf siyasi dalam amalan Islam. Kedua, menganalisis penggunaan tahaluf siyasi dalam ekonomi politik Islam. Ketiga, merumuskan pendekatan tahauf siyasi dalam ekonomi politik Islam. Ketiga-tiga objektif ini cuba dicapai melalui kajian kualitatif yang berbentuk penerokaan dan deskriptif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan dilakukan untuk mengenal pasti, mengumpul, mentemakan dan menganalisis dalil- dalil daripada al-Qur'an, Hadith dan Sirah Rasulullah SAW yang berkaitan tahalf siyasi dan ekonomi politik Islam. Usaha ini telah menghasilkan tiga dapatan pernting . Pertama, tentang prinsip tahaluf siyasi; kedua, tentang syarat tahaluf siyasi; dan ketiga, tentang ciri tahaluf siyasi. Dalam ketiga-tiga dapatan ini terkandung lima ayat al-Qur'an, tiga Hadith dan lapan peristiwa daripada Sirah Rasulullah SAW yang berkaitan tahaluf siyasi dan bersifat ckonomi politik Islam. Analisis terhadap penemuan ini telah membawa kepada rumusan bahawa tahaluf siyasi tidak terhad hanya kepada politik kepartian semata-mata tetapi sebaliknya juga meliputi ekonomi politik Islam. Tahaluf siyasi dalam ckonomi politik Islam di sini bermaksud perjanjian dua atau beberapa hala antara dua atau beberapa pihak yang wujud hasil kesepakatan ekonomi untuk mengukuhkan politik, atau kesepakatan politik untuk mengukuhkan ekonomi.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
6	Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo Halal: Kajian Kes di Sumatera Utara Indonesia	Farid Wajidi	2014	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	BP160.R0 54.F224 2014	<p>Kajian ini berkaitan dengan Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo Halal di Sumatera Utara, Indonesia. Secara khusus kajian ini mempunyai 3 (tiga) objektif kajian. Pertama, mengenal pasti kedudukan Undang-Undang, pentadbiran dan penggunaan logo halal di Sumatera Utara, Indonesia. Kedua, menganalisis faktor pemangkin dan penghalang Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo Halal di Sumatera Utara, Indonesia. Ketiga, membina saranan untuk memperkemas Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo halal di Sumatera Utara, Indonesia. Untuk menjawab ketiga-tiga objektif itu, kajian perpustakaan dan kajian lapangan dijalankan. Kajian perpustakaan dilaksanakan untuk memperoleh data sekunder berkaitan analisis Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo Halal. Kajian lapangan dilaksanakan untuk memperoleh data primer berkenaan usaha memperkemas Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo Halal. Kajian lapangan diamalkan melalui temu bual dengan para pakar dan kajian dokumentasi. Data sekunder dan data primer yang didapatkan dianalisis secara kualitatif. Kajian ini membuktikan bahawa semua peruntukan sedia ada di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan logo halal di Sumatera Utara, Indonesia, belum mencukupi. Sekiranya berkaitan dengan proses pentadbiran halal perlu melibatkan antara BPOM, Kementerian Agama dan MUI. Untuk masa hadapan, Kementerian Agama dan LPPOM sebagai institusi keagamaan mesti diberi peranan yang lebih besar. Di Indonesia pentadbiran yang masih berlaku sehingga kini bahawa pengeluar bebas dan boleh mempamerkan logo halal sesuai reka bentuk logo, atau warna yang diinginkan pengeluar. Oleh sebab, setakat ini belum ada kewajiban untuk menggunakan logo halal secara standard. Landasan Undang-Undang dalam pentadbiran logo halal terdapat kepada pelbagai Undang-Undang dan peraturan berkaitan. Proses pentadbiran logo halal telah diamalkan sesuai dengan ketetapan yang ada, tetapi perlu ada penyempurnaan, kerana prosedur yang telah wujud telah menimbulkan pelbagai kesukaran. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai pemangkin untuk menggubal Undang-Undang Logo Halal. Selain itu, ada pula penghalang dalam usaha menggubal Undang-Undang Logo Halal. Kajian ini memberi implikasi diperlukannya usaha untuk menggubal Undang-Undang, pentadbiran dan penggunaan logo halal, sama ada dengan mengukuhkan institusi pemeriksa dan memperkemas mekanisme pentadbiran logo halal tersebut. Strategi lain yang mesti diambil kira ialah dengan pembaikan pengawasan sijil halal dan memasyarakatkan logo halal.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
7	Latar Belakang dan pemikiran Ahli majlis Penasihat Syariah (MPS) di Malaysia dan Implikasinya Terhadap pembinaan Produk pembiayaan Perumahan	Suraya Ismail	2014	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	HT388.R0 49.SU961 2014	Keperluan penubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS) di institusi-institusi perbankan Islam (IPI) serta pemantauan oleh MPS Bank Negara Malaysia pada peringkat nasional menjadikan kerangka kerja tadbir urus Syariah industri perbankan Islam negara lebih bersifat komprehensif. Meskipun begitu, perdebatan terhadap keputusan dan amalan dalam produk-produk perbankan Islam masih berterusan. Persoalannya, mengapa wujud pertikaian sedangkan pengesahan dan kelulusan terhadap produk dilakukan oleh badan-badan yang berwibawa? Dengan bersandarkan pemakaian dua konsep Syariah yang berbeza dalam produk pembiayaan perumahan iaitu konsep bat bithaman ajil (BBA) dan musyarakah mutanaqisah (MM), kajian ini cuba meneliti implikasi latar belakang dan pemikiran ahli-ahli MPS terhadap amalan pembinaan produk perbankan Islam. Penelitian ke atas latar belakang keseluruhan ahli MPS di IPI pemilihan tempatan dilakukan menggunakan data sekunder daripada dokumen-dokumen manakala aspek pemikiran mereka pula diteliti menerusi kajian lapangan. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis kandungan. Kajian ini mendapati bahawa MPS didominasi ahli-ahli berlatarbelakangkan bidang agama diikuti bidang undang undang (Syariah) dan bidang muamalat. Dari segi pengalaman pula, hanya 11.1 peratus sahaja daripada ahli telah berkhidmat dalam MPS untuk tempoh 10 tahun dan ke atas dan sebahagian besar daripada mereka adalah daripada sektor pendidikan. Analisis ke atas pemakaiann konsep Syariah dalam pembiayaan perumahan menunjukkan konsep MM lebih dipersetujui berbanding konsep BBA. Amalan di IPI pemilihan tempatan menunjukkan 83.33 peratus daripada IPI menawarkan pembiayaan perumahan BBA sedangkan 72.7 peratus daripada responden menolak terhadap amalan ini. Hanya 27.3 peratus sahaja daripada ahli MPS yang dikaji menyokong amalan BBA dalam pembiayaan perumahan. Perbezaan pandangan terhadap amalan pemakaian konsep BBA dan MM terhasil daripada dua corak pemikiran yang berbeza iaitu pemikiran yang sederhana dan pemikiran lebih terbuka. Walau bagaimanapun, latar belakang dan pengalaman dilihat tidak mempengaruhi corak pemikiran responden. Dapatan kajian ini setidak-tidaknya memberikan dua implikasi utama. Pertama, amalan dalam produk perbankan Islam khususnya pembiayaan perumahan masih lagi tidak selari dengan kehendak Syariah. Kedua, pembinaan produk perbankan Islam yang benar-benar menepati Syariah perlu diusahakan dan memerlukan sokongan padu daripada semua pihak khususnya pihak-pihak berkepentingan dalam industri berkenaan.

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
8	Hubungan Tadbir Urus Korporat dan Nilai Firma Dengan Pengurusan Pendapatan Sebagai Pembolehubah Pencelah	Mulia Saputra	2014	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Zahri Hamat	HD58.7.R056.M957 2014	<p>Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan utama iaitu rendahnya nilai firma di Jakarta Islamic Index (JII). Rendahnya nilai firma bermula pada masa krisis kewangan tahun 1997. Pada masa krisis tersebut banyak firma yang mengalami kerugian. Rendahnya nilai firma disbabkan lemahnya pelaksanaan tadbir urus korporat. Antara cara meningkatkan nilai firma adalah dengan mempamerkan maklumat keuntungan yang tinggi dalam laporan kewangan firma. Pihak pengurusan dapat melaksanakan hal ini dengan melakukan pengurusan pendapatan. Kajian ini mempunyai empat objektif. Pertama, mengenal pasti hubungan antara tadbir urus korporat dengan nilai firma di JI. Kedua, mengenal pasti hubungan antara tadbir urus korporat dengan pengurusan pendapatan di JII. Ketiga, mengenal pasti hubungan antara pengurusan pendapatan dengan nilai firma di JI. Keempat, menganalisis pengaruh pengurusan pendapatan sebagai pemboleh ubah pencelah terhadap hubungan antara tadbir urus korporat dan nilai firma di JII. Kajian ini dilakukan terhadap syarikat-syarikat yang tersenarai di JI, Bursa Efek Indonesia. Sampel kajian ini adalah keseluruhan firma yang kekal dalam JII selama 5 tahun berturut-turut bermula tahun 2006 sehingga 2010. Data dikutip mengikut suku tahunan dengan 480 pemerhatian. Dapatan kajian mempamerkan pertama, pemilikan institusi, pemilikan asing, dan saiz lembaga pengarah mempunyai pengaruh signifikan terhadap nilai firma. Kedua, pemilikan keluarga, pemilikan Institusi dan saiz lembaga pengarah mempunyai pengaruh signifikan terhadap pengurusan pendapatan. Ketiga, pengurusan pendapatan mempunyai pengaruh signifikan terhadap nilai firma. Keempat pengurusan pendapatan boleh sebagai pemboleh ubah pencelah terhadap hubungannya antara pemilikan institusi dan saiz lembaga pengarah terhadap nilai firma. Implikasi daripada kajian ini pertama, masalah agensi boleh berkurangan secara berkesan apabila pemegang saham melantik saiz lembaga pengarah yang besar dan menambah pemilikan saham oleh Institusi. Kedua, dengan itu Badan Pengawas Pasar Modal (BAPEPAM) boleh membuat peraturan baru dalam pasaran modal Indonesia khususnya firma yang tersenarai di JII seperti meningkatkan nisbah lembaga pengarah dalam sesebuah firma dengan tujuan untuk meningkatkan nilai firma.</p>
9	Indeks pembangunan Berteraskan Islam: satu Analisis Konseptual	Wan Norhaniza Wan Hasan	2014	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	HD72.R057.N839 2014	<p>Pelbagai jenis indeks pembangunan telah dikemukakan pada peringkat antarabangsa mahupun nasional bertujuan untuk mengukur pembangunan dan keberkesanan pelaksanaan pembangunan yang telah dirancang. Umumnya, indeks-indeks ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu indeks pembangunan konvensional dan indeks pembangunan berteraskan Islam (IPBI). Indeks pembangunan konvensional secara umumnya terbina daripada falsafah pembangunan konvensional. Rasionalnya, IPBI mestilah dibina daripada falsafah pembangunan berteraskan Islam (PBI), berdasarkan konsep PBI. Walau bagaimanapun, apakah konsep PBI ini? Bagaimanakah konsep ini dapat diadaptasi dalam IPBI? Mengambil kira persoalan-persoalan ini, kajian ini cuba untuk mengkaji IPBI secara konseptual dan menilainya dari perspektif Islam melalui tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep PBI. Kedua, menganalisis IPBI. Ketiga, menggunakan konsep PBI dan IPBI ini sebagai alat analisis untuk menilai Indeks Pembangunan Ummah Malaysia (Malaysian Ummah Development Index, MUDI). Kesemua objektif ini dicapai melalui kajian kualitatif berbentuk penerokaan. Kajian ini menggunakan data-data sekunder daripada dua kategori sumber. Sumber data pertama terdiri daripada dokumen dan bahan tekstual yang berkaitan dengan PBI. Sumber kedua pula terdiri daripada dokumen dan bahan tekstual yang berkaitan dengan MUDI. Kedua-dua jenis data diperoleh melalui kajian perpustakaan. Kesemua data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa MUDI hanya menumpukan kepada pembangunan masyarakat Muslim di Malaysia berbanding pembangunan berteraskan Islam secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan aplikasi ilmu PBI dalam praktis pelaksanaan pembangunan secara khusus melalui IPBI. Selain itu, kajian ini menyimpulkan bahawa MUDI boleh dianggap sebagai IPBI kerana dibina dengan berteraskan Islam. Namun begitu, indeks ini masih belum lengkap kerana tidak mengambil kira sekurang-kurangnya kesemua komponen yang terkandung dalam konsep PBI.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
10	Penggunaan Wang Sebagai Instrumen Wakaf Tunai: Satu Kajian Teoritis	Razali Othman	2014	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	BP167.5.R058.R278 2014	<p>Kajian ini berkaitan penggunaan wang sebagai instrumen wakaf tunai. Secara umumnya, kajian ini bertujuan menilai kepatuhan penggunaan wang sebagai instrumen wakaf tunai mengikut maqasid wakaf. Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti kedudukan dan pelaksanaan instrumen wakaf tunai dari persepektif fiqh dan scjarah. Kedua, menganalisis kepatuhan instrumen wakaf tunai dari perspektif kerangka maqasid wakaf. Ketiga, mencadangkan wakaf tunai yang mematuhi maqasid wakaf. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, kajian kualitatif beibentuk penerokaan telah dijalankan dalam dua fasa. Fasa pertama tertumpu kepada pengumpulan data sekunder yang dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan bagi menjawab objcktif pertama. Fasa kedua pula tertumpu kepada pengumpulan data primer menerusi instrumen sesi temu bual mendalam yang melibatkan 11 responden terpilih bagi menjawab objektif kedua dan ketiga. Maklumat temu bual dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti versi 7.0 dan kaedah analisis kandungan. Hasil penelitian mendapati terdapat tiga jenis hukum wakaf tunai iaitu tidak harus secara mutlak, makruh dan harus yang dilakukan secara ijthadi dalam kalangan ahli fiqh. Sementara penelitian sejarah menunjukkan bahawa wakaf tunai telah direkod wujud pertama kalinya di Erdine, Turki pada tahun 1423 dengan menggunakan wang emas dan perak sebagai instrumennya. Mekanisme pinjaman yang berasaskan sistem perundangan istiglal yang digunakan pada masa itu didakwa mempunyai elemen riba telah membawa kepada pengharaman amalan wakaf tunai tersebut pada tahun 1576. Penelitian terhadap amalan berwakaf semasa mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk wakaf tunai yang diamalkan pada hari ini seperti saham wakaf, wakaf saham, wakaf takaful, wakaf tunai produk deposit dan wakaf tunai korporat. Kesemuanya menggunakan wang fiat sebagai instrumennya. Dapatan dalam fasa kedua pula menunjukkan kategori kemudahan berwakaf seperti mudah diurus, denominasi yang pelbagai dan pulangan yang segera mendorong penggunaan wang fiat dijadikan sebagai instrumennya. Kesukaran memahami konsep wakaf tunai pula merupakan kategori paling dominan yang menyumbang kepada kelemahan penggunaan wang fiat. Enam elemen wang fiat yang dianalisis iaitu falsafah, penciptaan, nilai, fungsi, urus niaga dan elemen riba dalam wang fiat didapati mempunyai unsur-unsur penindasan yang berpaksikan amalan riba. Penggunaannya didapati tidak mematuhi maqasid wakaf. Bagi mengatasi masalah ini, alternatif jangka pendek dan jangka panjang telah disarankan. Alternatif jangka pendek menumpukan pendekatan pertukaran terus dana terkumpul kepada harta tetap, barangan berharga, barangan fizikal, warisan dan pembiayaan pendahuluan. Alternatif jangka panjang pula menyarankan wang emas dan perak digunakan scbagai instrumennya. Kemahiran pemasaran perkhidmatan bertunjang prinsip Tauhidi perlu dijadikan pra-syarat bagi memastikan kalangan pengamal nya memenuhi tuntutan kepatuhan instrumen wakaf tunai mengikut maqasid wakaf.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
11	Aplikasi Proses Penfatwaan Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin	2014	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	BP174.R060.K452014	<p>Tesis ini bertujuan meneliti aplikasi kaedah proses penfatwaan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Perkara ini dilakukan kerana perlunya satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam bagi penyelidikan-penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam. Kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini diharap boleh menjadi pengganti kepada kaedah penyelidikan sosial yang mempunyai beberapa kekurangan, terutamanya dalam alat analisis, epistemologi dan falsafahnya. Berdasarkan kekurangan ini, kajian berkaitan Islam dan orang Islam tidak boleh dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan lazim. Dengan kewujudan kaedah-kaedah penyelidikan dalam ilmu-ilmu Islam, mengapakah tidak dilakukan satu kajian terhadap mana-mana kaedah penyelidikan dalam ilmu-ilmu Islam ini? Tesis ini cuba melaksanakan perkara ini dengan mengambil kaedah proses penfatwaan sebagai subjek kajian. Kajian ke atas kaedah proses penfatwaan ini dilakukan dengan tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti proses penfatwaan dalam Islam. Kedua, menganalisis proses penfatwaan dari perspektif kaedah penyelidikan sosial. Ketiga, merumuskan aplikasi proses penfatwaan dalam penyelidikan sosial. Bagi mencapai objektif yang dinyatakan di atas, kaedah kajian perpustakaan telah dipakai bagi mendapatkan data-data berkaitan proses penfatwaan secara menyeluruh menerusi karya-karya klasik dan kontemporari. Data tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan kaedah perbezaan. Analisis data-data ini membawa kepada empat kesimpulan. Pertama, fatwa merupakan perkara yang sangat penting dalam sejarah Islam dalam menyelesaikan permasalahan hukum semasa sejak zaman Rasulullah SAW sehingga hari ini. Kedua, proses penfatwaan yang diamalkan pada masa kini terbahagi kepada empat peringkat iaitu al-taswir, al-takyif, al-hukm dan al-ifta. Ketiga, Islam menitik beratkan kelayakan bagi seorang mufti dengan meletakkan syarat kelayakan yang sangat ketat. Selain itu, Islam turut menekankan kepada penentuan fatwa secara berkumpulan (fatwa jama'iyat) dan kepada kualiti dan kekuatan sesuatu sumber sandaran dalam sesuatu fatwa. Keempat, proses penfatwaan ini sesuai untuk dijadikan proses penyelidikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam kerana kekuatan dan kelebihannya dari sudut epistemologi, falsafah, alat analisis, dan ketelitiannya dalam menjalankan sesuatu penyelidikan terutama melibatkan kajian berkaitan Islam dan orang Islam. Proses penfatwaan ini dirumuskan menjadi satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam dengan cadangan nama proses penyelidikan penfatwaan. Aplikasi proses penfatwaan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini memberi implikasi terutama dari sudut pemahaman tentang konsep fatwa yang hanya digunakan dalam penentuan hukum Islam semata-mata. Kajian ini turut memberi implikasi kepada pemahaman terhadap paradigma kaedah penyelidikan yang digunakan secara lazim pada hari ini.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
12	Mekanisme Operasi pembiayaan Kredit Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM): Analisis dari Perspektif Islam	Raziah Md Tahir	2014	Tesis Doktor Falsafah		HG3691.R 055.R278 2014	

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN TAHUN 2013

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Masyarakat Sivil Berteraskan Islam di Indonesia: Politik Akomodasi Dan Upaya Pendemokrasi Muhammadiyah	Heri Kusmanto	2013	Tesis Doktor Falsafah	Prof. Madya Dr. Mohd. Zaini Abu Bakar	BP173.25 .R062.H5 46 2013	
2	Pembentukan model perancangan, pelaksanaan dan penilaian program pendidikan sepanjang hayat universiti islam swasta di Indonesia	Hasrita	2013	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Nailul Morad Mohd Nor	LG181.R0 63. 2013	Di Indonesia, institusi pendidikan seperti universiti Islam swasta berusaha agar dapat menawarkan program-program yang relevan dengan kehendak masyarakat. Universiti Islam swasta wajar melaksanakan program pendidikan sepanjang hayat yang lebih sistematik bermula daripada fasa perancangan, fasa pelaksanaan sehingga fasa penilaian. Kajian ini bertujuan untuk membina model program pendidikan sepanjang hayat universiti Islam swasta di Indonesia, bermula daripada fasa perancangan, fasa pelaksanaan sehingga fasa penilaian. Kaedah kajian mengikuti lima langkah membangun model mengikut Zetterberg (2002, 1962) yang diubah suai, iaitu : (1) penerokaan kajian, (2) pemahaman ilmiah, (3) semakan ilmiah, (4) penemuan penyelesaian dan (5) saranan ilmiah. Data dikutip dengan menggunakan soal selidik dan disahkan dengan teknik Delphi dua pusingan, dengan kriteria kritikal minimum min 4.50 dan kriteria konsensus 70 % ke atas. Dalam pusingan terakhir seramai 49 orang panel pakar telah menyertai dan mengesahkan 16 elemen kritikal fasa perancangan, 26 elemen kritikal fasa pelaksanaan dan 6 elemen kritikal fasa penilaian yang menjadi model program pendidikan sepanjang hayat universiti Islam swasta di Indonesia. Dapatan kajian menunjukkan persetujuan yang tinggi di kalangan panel pakar berkaitan dengan elemen kritikal di dalam membentuk model program pendidikan sepanjang hayat universiti Islam swasta di Indonesia.

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Wakaf Tunai Muhammadiyah Sumatera Utara: Kajian Hukum dan Potensi	Suhrawardi	2012	Tesis Doktor Falsafah		BP170.2.R 064.SU947 2012	

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
2	Tasawur pembangunan Dalam Al-Quran: Kajian tafsir Al-Mawdu'iy	Mohd Shukri Hanapi	2012	Tesis Doktor Falsafah		BP130.R06 5.SH562 2012	

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
3	Tanggungjawab Sosial Korporat Institusi Perbankan Islam di Aceh: Analisis Kriteria dan Persepsi	Muhammad Yasir Yussuf	2012	Tesis Doktor Falsafah		HD58.7.R066.Y29 2012	

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
4	Pengaruh Faktor-Faktor Penentu Terhadap Kesetiaan Pelanggan Muslim di Perbankan Syari'ah Malang, Indonesi	Sunaryo	2012	Tesis Doktor Falsafah		HG3691.R 067.SU957 2012	

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN TAHUN 2012

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diser	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
5	Pengurusan Zakat di Kota Malang, Indonesia: Analisis Muzakki dan Pengurusan Institusi Zakat	Marlina Ekawaty	2012	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Zahri Hamat	BP176.R06 8.M348 2012	<p>Menurut Undang-Undang 38/1999, Badan Amil Zakat (BAZ) dan Lembaga Amil Zakat (LAZ) adalah institusi yang dibenarkan untuk mengurus zakat di Indonesia. Namun tahun 2007 bayaran zakat melalui kedua-dua institusi tersebut hanya sebanyak 7.20 peratus, manakala terus kepada mustahigg sebanyak 25.00 peratus dan melalui masjid sebanyak 59.00 peratus. Persoalannya, mengapakah muzakki bergelagat sedemikian, bagaimanakah pengurusan zakat sebenar yang dilakukan oleh institusi-institusi zakat serta bagaimanakah pandangan muzakki dan institusi zakat terhadap pengurusan zakat yang berlaku? Dengan itu reka bentuk kajian keratan rentas dan penjelasan digunakan. Soal selidik dan temu bual dianalisis dengan statistik deskriptif, inferens dan analisis kandungan untuk menjawab tiga objektif. Pertama, untuk menganalisis gelagat muzakki di Kota Malang dalam membayar zakat. Kedua, untuk menganalisis pengurusan zakat di institusi-institusi di Kota Malang., Ketiga, menganalisis pandangan muzakki dan institusi zakat terhadap pengurusan zakat terscbut. Dapatan kajian mempamerkan pertama, muzakki di Kota Malang membayar terus kepada mustahigg 21.99 peratus, melalui institusi zakat 35.52 peratus dan gabungan kedua-duanya 42.57 peratus. Bayaran zakat melalui BAZ dan LAZ sebanyak 17.42 peratus, masjid sebanyak 44.52 peratus, dua sehingga empat institusi sebanyak 22.59 peratus, dan institusi lain sebanyak 15.47 peratus. Pemilihan cara membayar zakat dipengaruhi secara negatif oleh faktor kepercayaan kepada institusi zakat dan pendedahan promosi. Kedua, institusi zakat yang ada di Kota Malang paling tidak sebanyak 19 institusi zakat formal dan sebanyak 93 institusi zakat tidak formal. Dari segi perancangan, pelaksanaan kutipan dan agihan, pengorganisasian, dan pengawasan, didapati bahawa LAZ adalah teratur. Ketiga, majoriti muzakki berpandangan bahawa berlaku pertindihan dalam agihan zakat dengan ada begitu banyak institusi zakat. Sebaliknya, institusi zakat berpandangan bahawa banyaknya institusi zakat itu adalah discbabkan masalah kepercayaan, keperihatinan dan kurangnya usaha pemerintah untuk menyatukan institusi- institusi terscbut. Dapatan kajian ini membawa kepada lima implikasi. Pertama, untuk meningkatkan pembayaran zakat melalui institusi zakat formal, maka diperlukan peningkatan kepercayaan dan pendedahan promosi. Kedua, ramainya ahli dalam wilayah kerja BAZ Kota Malang dan kelengkapan organisasinya, maka BAZ perlu menambahbaik pengurusan zakatnya. Ketiga, oleh kerana bilangan LAZ adalah cukup banyak, maka untuk mengoptimumkan manfaat zakat perlu dilakukan penyclarasan di antara mereka. Keempat, disebabkan ramai muzakki memilih masjid untuk membayar zakat, dan pada masa yang sama pengurusan LAZ adalah lebih baik, maka perlu diadakan kerjasama di antara masjid dan LAZ dalam mengurus zakat. Kelima, oleh kerana besarnya amaun dana yang bolch dikutip institusi zakat berbanding bantuan sosial yang disediakan oleh pemerintah, maka penyelarasan di antara pemerintah dengan institusi-institusi zakat perlu dilakukan.</p>

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN TAHUN 2011

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Parti Politik Dakwah di Indonesi: Ideologi, Strategi dan Pencapaian Parti Keadilan Sejahtera (PKS) 1998-2009	Warjio	2011	Tesis Doktor Falsafah	Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar	JC49.R069. W277 2011	<p>Tesis ini bertujuan menganalisis ideologi, strategi dan pencapaian Partai Keadilan Sejahtera (PKS) di Indonesia dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2009. PKS adalah sebuah parti politik dakwah yang berasal daripada Parti Keadilan (PK) yang ditubuhkan pada masa transisi demokrasi selepas kejatuhan Presiden Soeharto (1998). PKS merupakan entiti politik yang akar umbinya adalah gerakan tarbiah. Tesis ini berhasrat menganalisis bagaimanakah PKS yang ditubuhkan oleh kekuatan aktivis dakwah memanfaatkan reformasi sehingga menjadi pertubuhan politik? Apa sebenarnya yang menjadi asas perubahan mereka menjadi pertubuhan politik? Apakah ideologi PKS dibentuk sebagaimana sebuah gerakan dakwah? Pertubuhan atau gerakan politik mana yang mempengaruhi ideologi PKS? Bagaimanakah pandangan dakwah PKS sebagai sebuah parti politik? Apakah ciri dakwah masih menjadi bahagian dari PKS ketika mereka mengikuti pilihan raya? Bagaimanakah pencapaian PKS dalam pilihan raya? Bagaimana strategi dakwah handal PKS dalam praktik politik dakwahnya dalam realiti politik praktis di Indonesia sepanjang tempoh 1998-2009? Gabungan antara kajian lapangan dan kajian teoretikal diguna sebagai kacдах penyelidikan tesis ini. Kajian lapangan dilakukan untuk menganalisis praktik politik dakwah PKS berkaitan dengan ideologi, manhaj dakwah dan capaian di dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2009. Kajian teoretikal pula dijalankan untuk mendapatkan konsep-konsep teoretikal berkaitan dengan ideologi, strategi dakwah dan pencapaian PKS dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2009. Data-data yang dikumpulkan daripada kedua-dua kajian lapangan dan kajian teoretikal ini dianalisis melalui dua fasa penganalisan. Fasa penganalisan pertama bertujuan mengenal pasti pertumbuhan gerakan dakwah menjadi gerakan politik, kemudian ideologi, manhaj dakwah dan praktik politik dalam ketiga-tiga Pilihan Raya Umum Akhimya penganalisan terakhir menilai kesesuaiannya. Dapatan daripada fasa pertama penganalisan membuktikan bahawa reformasi memberikan kesempatan kepada gerakan dakwah untuk tumbuh menjadi entiti politik dalam bentuk parti. Seterusnya ketika menjadi parti, ideologi yang telah sedia ada dalam gerakan dakwah juga dijadikan ideologi parti. Demikian juga strategi dakwahnya. Dapatan daripada penganalisan kedua pula merumuskan bahawa dalam pencapaian politik dakwah PKS melalui Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2009 tidak begitu sesuai dengan ideologi, strategi dakwah yang mereka tetapkan. Kajian ini mempunyai implikasi ke atas pandangan parti dakwah. Pertama, praktik politik yang tidak sesuai dengan ideologi, strategi dakwah perlu dikaji semula sewajarnya. Kedua, ideologi, strategi dakwah PKS yang sedia ada perlu dikekalkan dan digalakkan. Akhir sekali, kajian ini mencadangkan dilakukan satu kajian yang mendalam untuk meneroka dengan lebih lanjut Parti Politik Dakwah.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
2	Kaedah dan Amalan Tazkiyyah An-Nafs Dalam Pembangunan Berteraskan Islam: satu Kajian Kes Koperasi Pondok Pesentren (KOPENTREN), Darul Tauhid Bandung Indonesia.	Muhammad Tahir	2011	Tesis Doktor Falsafah		BP173.25.R070.T128 2011	

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN TAHUN 2010

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Penentu Pemilihan Institusi Perbankan Islam Dalam Kalangan Muslim di Terengganu	Ahmad Azrin Adnan	2010	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	HG1501.R071.AZ997 2010	<p>Industri kewangan Islam di peringkat global dan Malaysia diakui berkembang pesat. Di sebalik perkembangan ini, setidaknya tidaknya wujud tiga permasalahan utama dalam kalangan pengguna perbankan khususnya Muslim di Malaysia. Pertama ialah tentang penguasaan pasaran perbankan Islam yang masih lagi kecil berbanding perbankan konvensional meskipun Muslim adalah kumpulan populasi terbesar di Malaysia. Kedua ialah tentang kedudukan aspek pendidikan kepenggunaan yang tidak berada di tahap yang terbaik. Ketiga ialah tentang kedominan faktor pertimbangan agama (FPA) dalam kalangan pengguna Muslim apabila berurusan dengan bank pada ketika FPA terbukti secara empirikal tidak menjadi paling utama. Berdasarkan realiti ini, cukup menarik untuk diteliti apakah benar pengguna Muslim yang berurusan dengan institusi perbankan Islam (IPI) didorong oleh perasaan takutkan Allah atau hanya sekadar mengikut ragam masa kini bahawa orang Islam perlu memilih bank Islam? Apakah wujud masyarakat Muslim yang ideal di Malaysia, khususnya di negeri yang paling awal menerima kedatangan Islam di Malaysia dan terkenal dengan suasana pendedahan nilai-nilai keislaman? Justeru, kajian ini cuba mencapai tiga objektif. Pertama ialah mengenal pasti penentu pemilihan bank menurut Muslim yang ideal (PPBMMI). Kedua pula ialah menganalisis realiti penentu pemilihan IPT dalam kalangan Muslim di Terengganu. Ketiga pula ialah menilai kepatuhan PPBMMI dalam kalangan Muslim di Terengganu. Untuk itu, kajian ini terbahagi kepada dua fasa yang dijalankan secara berperingkat. Dalam fasa pertama kajian bagi mencapai objektif pertama, pelbagai karya berkaitan disoroti sehingga terhasil satu kerangka konsep PPBMMI. Kerangka konsep ini kemudiannya disahkan oleh lapan orang pakar yang ditemu bual secara bersemuka dan separa berstruktur. Kesemua mereka dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Hasil penelitian tentang perkara ini telah menemukan lapan penentu utama, iaitu pertimbangan halal dan haram, penggunaan berkualiti, pulangan maslatah penggunaan mengikut keutamaan, reputasi dan pengesyoran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan. Kesenyaan, dan pemasaran dan pengiklanan. Dalam fasa kedua kajian pula, ia bertujuan mencapai objektif kajian kedua dan ketiga. Untuk tujuan tersebut, seramai 429 orang responden yang dipilih melalui kaedah persampelan mudah daripada 14 buah IPI di Terengganu dilibatkan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menemukan bahawa kepatuhan Muslim di Terengganu hanyalah di tahap sederhana. Sungguhpun mereka cukup terdedah kepada sistem pemerintahan berteraskan Islam, kekuatan ini belum dapat menjamin mereka untuk mempamerkan gelagat yang ideal. Hasil kajian ini telah memberi sumbangan yang cukup signifikan kepada bidang gelagat pengguna Islam dan penentu pemilihan bank sama ada dari aspek teoretikal mahupun empirikal.</p>

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
2	Kaedah Pembangunan Aceh Pascatsunami: Analisi Ke Arah Pembangunan Berteraskan Islam	Sukiman	2010	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	HT51.R072. SU948 2010	<p>Pembangunan Aceh selama ini belumlah memperolch kejayaan akibat konflik politik yang berterusan dan bencana tsunami yang telah menghancurkan pembangunan Aceh pada Disember 2004. Adakah rakyat Aceh melakukan banyak kesalahan dan pelanggaran perintah-perintah Allah? Kesalahan-kesalahan itu adakah pula disebabkan kerana kaedah pembangunan Aceh selama ini tidak menggunakan pembangunan berteraskan Islam? Olch sebab itu, kaedah pembangunan Aceh selepas tsunami masihkah menggunakan kaedah pembangunan lama yang belum dapat meraih kejayaan atau kaedah pembangunan lain yang diberlakukan di Aceh? Berdasarkan pertanyaan di atas maka objektif kajian tesis ini ada tiga. Pertama, mengenal pasti dan menganalisis kaedah pembangunan Acch pascatsunami. Kedua, menganalisis kaedah pembangunan Aceh pascatsunami daripada perspektif Islam. Ketiga, mencadangkan kaedah pembangunan berteraskan Islam untuk pembangunan Acch pascatsunami. Penyelidikan ini menggunakan kacdah kualitatif dengan mengumpulkan data daripada kajian pustaka, dokumen-dokumen rasmi, sejarah dan kajian lapangan yang dipusatkan di Banda Aceh. Sampel yang digunakan ialah persampelan bertujuan (purposive sampling) dengan melakukan temu bual bagi melengkapi data dokumen kaedah pembangunan Aceh. Penyelidikan ini mendapati lima kaedah pembangunan Aceh pascatsunami. Kaedah-kaedah itu mencakupi Program Perencanaan Pembangunan Nasional (Propernas), Qanun-qanun Acch, Blue Print Pembangunan Aceh, Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RPJM), dan Program Pembangunan yang dirancang oleh Badan Rehabilitasi dan Rekonstuksi Aceh (BRR). Kelima-lima kaedah pembangunan itu masih menggunakan paradigma pembangunan lazim daripada Barat yang hanya mementingkan fizikal, material dan kepentingan dunia semata tetapi kurang menyentuh pembangunan rohani dan spiritual. Oleh itu, pembangunan Aceh pascatsunami dicadangkan menggunakan kaedah pembangunan berteraskan Islam. Cadangan ini diarah kepada pembangunan Aceh pascatsunami yang menggunakan tujuh prinsip pembangunan berteraskan Islam iaitu, pertama, Tasawur Islam sebagai acuan pembangunan, kedua, manusia sebagai pelaku pembangunan, ketiga, alam roh, alam dunia dan alam akhirat sebagai skala waktu pembangunan, keempat, Fardhu Ain sebagai kerangka pembangunan, kelima, ibadah sebagai perkaedahan pembangunan, keenam, sumber alam sebagai peralatan pembangunan, ketujuh keredaan Allah s.w.t. sebagai matlamat pembangunan. Dengan kaedah pembangunan berteraskan Islam inilah rakyat Aceh diyakini akan makmur dan berjaya serta memperolehi keselamatan di dunia dan akhirat.</p>

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN TAHUN 2008

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Kaedah Pengurusan Institusi-Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia	Fadzila Azni Ahmad	2008	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	HD28.R074.F251 2008	<p>Tesis ini bertujuan mengenal pasti kaedah pengurusan yang diguna pakai di institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam di Malaysia dan menilai kesesuaian pemakaiannya ke atas pengurusan institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam. Dengan menjurus kepada kaedah pengurusan yang diguna pakai oleh majoriti institusi pembangunan berteraskan Islam di Malaysia, tesis ini menganalisisnya dari perspektif Islam berdasarkan tasawur, epistemologi dan ontologi. Daripada analisis ini, kesesuaian pemakaian kaedah pengurusan tersebut dalam pengurusan institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam dapat dikenal pasti. Pengenalpastian kesesuaian kaedah pengurusan yang diguna pakai oleh majoriti institusi pembangunan berteraskan Islam ini penting untuk memastikan kriteria pembangunan berteraskan Islam dilaksanakan oleh institusi-institusi tersebut sesempurna mungkin. Gabungan antara kajian lapangan dan kajian teoretikal diguna sebagai kaedah penyelidikan kajian ini. Kajian lapangan dilakukan untuk mengenal pasti kaedah-kaedah pengurusan yang diguna pakai di dua puluh buah institusi pembangunan berteraskan Islam di Malaysia. Dua puluh institusi ini dipilih berdasarkan teknik pensampelan pertimbangan. Kajian teoretikal pula dijalankan untuk mendapatkan konsep-konsep teoretikal berkaitan kaedah pengurusan yang paling banyak diguna pakai. Data-data yang dikumpulkan daripada kedua-dua kajian lapangan dan kajian teoretikal ini dianalisis melalui tiga fasa penganalisan. Fasa penganalisan pertama bertujuan mengenal pasti kaedah pengurusan yang paling banyak diguna pakai oleh institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam di Malaysia. Ini diikuti dengan analisis ke atas elemen-elemen teoretikal kaedah pengurusan yang telah dikenal pasti sebelumnya. Akhirnya, penganalisan terakhir dilakukan untuk menilai kesesuaian kaedah pengurusan yang diguna pakai oleh institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam tersebut. Dapatan daripada fasa pertama penganalisan membuktikan bahawa Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) adalah kaedah pengurusan yang paling banyak diguna pakai oleh institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam. Dapatan daripada fasa penganalisan kedua dan ketiga pula merumuskan bahawa TQM tidak begitu sesuai diguna pakai oleh institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam. Rumusan ini dibuat berdasarkan kepada ketidaksihlerian TQM dengan tasawur, epistemologi dan ontologi Islam. Kajian ini mempunyai implikasi ke atas perspektif 'managerial institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam. Pertama, oleh kerana TQM didapati kurang sesuai, penggunaannya oleh institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam perlu dikaji semula sewajarnya. Kedua, penggunaan kaedah pengurusan berteraskan Islam yang sedia ada ke atas pengurusan institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam perlu digalakkan. Akhir sekali, kajian ini mencadangkan dilakukan satu kajian yang mendalam untuk meneroka dengan lebih lanjut pembangunan dan penggunaan kaedah pengurusan yang selari dengan tasawur, epistemologi dan ontologi sebagaimana yang digariskan Islam.</p>

SENARAI TESIS RISDEV DISERAHKAN TAHUN 2007

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyalin	Nombor Panggilan	Abstrak
1	Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia: Satu Kajian Rintis Pendapat Cendekiawan Zakat	Zahri Hamat	2007	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	BP176.R075.Z19 2007	Tesis ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia. Bagi mencapai tujuan tersebut, satu kajian lapangan telah dijalankan melalui temu bual dan soal selidik dengan menggunakan persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia, iaitu kaedah aset semasa, kaedah modal kerja dan kaedah modal kerja yang diselaraskan. Majoriti negeri mengamalkan kaedah yang ketiga, iaitu kaedah modal kerja yang diselaraskan. Menurut cendekiawan zakat, ketidakseragaman kaedah ini berlaku kerana asas-asas yang dipakai dalam membentuk kaedah perakaunan zakat perniagaan adalah berbentuk umum. Dengan itu, kaedah perakaunan zakat perniagaan telah dibentuk berdasarkan ijtihad. Para cendekiawan zakat juga bersetuju bahawa perubahan ke atas kaedah perakaunan zakat perniagaan dibenarkan kerana kaedah tersebut dibentuk bukan berdasarkan nas qati. Malah melalui aplikasi qiyas, para cendekiawan berpandangan bahawa kaedah perakaunan zakat perniagaan berasaskan pendapatan boleh juga diamalkan sebagai satu kaedah alternatif. Dapatan kajian ini membawa kepada dua implikasi. Pertama, oleh sebab masih terdapat kepelbagaian kaedah perakaunan zakat perniagaan di Malaysia, maka perlu diadakan perbincangan dan pembentukan dasar sama ada di peringkat negeri atau di peringkat Persekutuan untuk menyeragamkan kaedah perakaunan zakat perniagaan ini. Kedua, oleh kerana terdapat pelbagai jenis perniagaan sekarang, maka para ilmuan Islam dari semasa ke semasa perlu meneroka kaedah-kaedah perakaunan zakat perniagaan secara inovatif supaya ia bersesuaian dengan pelbagai jenis perniagaan tersebut.

Bil	Tajuk	Nama Pengarang	Tahun Diserahkan	Peringkat	Nama Penyelia	Nombor Panggi	Abstrak
2	Pelaksanaan Kod Etika Islam di Institusi Pembangunan Berteraskan Islam: Kajian Kes di Lembaga Tabung Haji Malaysia	Nor Azzah Kamri	2007	Tesis Doktor Falsafah	Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh	BP174.R076.AZ999 2007	<p>Kajian ini adalah berkenaan kod etika Islam di Institusi pembangunan berteraskan Islam, khususnya di Lembaga Tabung Haji Malaysia (Tabung Haji). Secara umumnya, tujuan kajian adalah untuk meneliti Nilai dan Etika Kerja Tabung Haji (NEKTH) dari segi teori dan praktis. Secara khususnya pula, kajian ini mempunyai empat objektif. Pertama ialah untuk meneliti asas-asas dalam pembentukan dan pelaksanaan kod etika Islam. Keduanya adalah untuk menganalisis kandungan NEKTH dan dasar pelaksanaannya. Ketiga, untuk mengukur tahap pelaksanaan NEKTH ke atas pembentukan budaya kerja beretika dalam kalangan kakitangan Tabung Haji daripada perspektif pengurusan pembangunan berteraskan Islam. Keempat, untuk merumuskan mekanisme pelaksanaan kod etika Islam yang serasi dengan acuan Islam dari segi teori dan praktis. Bagi mencapai keempat-empat objektif tersebut, kajian perpustakaan dan kajian lapangan dijalankan. Kajian perpustakaan dijalankan bagi memperoleh data sekunder berhubung etika Islam menerusi penelitian terhadap karya-karya terdahulu. Kajian lapangan pula dijalankan bagi memperoleh data primer berhubung pembentukan dan pelaksanaan NEKTH di pejabat-pejabat Tabung Haji terpilih. Fasa ini melibatkan temu bual dengan pihak pengurusan Tabung Haji selaku penggubal dasar dan edaran soal selidik kepada kakitangan Tabung Haji selaku pelaksana dasar dan pendeposit Tabung Haji selaku penerima perkhidmatan Tabung Haji. Data sekunder dan primer yang diperoleh ini kemudiannya dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif berdasarkan keperluan kajian. Kajian ini menghasilkan lima kriteria asas dalam pembentukan dan pelaksanaan kod etika Islam. Ia terdiri daripada sumber pembentukan, matlamat, komponen nilai, skop liputan dan pendekatan pelaksanaan kod etika Islam. Kesepaduan antara aspek penyucian jiwa, pembangunan insan, penghayatan ibadah, penghalusan adab dan pembangunan kerjaya pula dikenal pasti sebagai mekanisme penting dalam pelaksanaan kod etika Islam. Dalam konteks NEKTH, secara teorinya ia didapati telah mengambil kira kelima-lima kriteria asas itu tadi. Secara praktisnya pula, pelaksanaan NEKTH didapati telah membawa kepada tahap budaya kerja beretika yang tinggi. Hal ini diakui oleh 90 peratus daripada 166 responden kakitangan Tabung Haji dan 70 peratus daripada 500 responden pendeposit Tabung Haji. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian memperlihatkan NEKTH telah menepati hampir kesemua kriteria asas kod etika Islam. Hal ini membuktikan kekuatan NEKTH itu sendiri. Walau bagaimanapun, aspek-aspek berhubung komponen nilai, penjana program khas, pemantapan kefahaman kakitangan dan peningkatan kepuasan pendeposit masih perlu diberi perhatian demi keberkesanan NEKTH.</p>